

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Gouwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.
 - Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

KESEJAHTERAAN, KESELAMATAN RAKYAT, PENDUDUK JADI KEUTAMAAN



YANG Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pemangku Menteri Pendidikan dan Setiausaha Tetap, (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan semasa Sidang Media bagi Isu Pemakanan dan Kenderaan semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. - Foto : Azmah Haji Ahad (Lihat muka 3).

Istiqamah kunci kejayaan hidup

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Mengingatkan kelebihan istiqamah mampu membawa kehidupan ke arah positif, merupakan antara inti pati tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pejabat Unit Da'wah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Abdul Khaliq bin Kamree.

Dalam tazkirah bertajuk 'Istiqamah kunci kejayaan hidup' yang disampaikan semasa Malam Munajat anjuran KHEU Kali Ke-121 malam tadi, Awang Abdul Khaliq

turut mengongsikan kelebihan istiqamah juga akan mendapat rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan juga akhirat.

Terdahulu itu, Malam Munajat telah mengundang Sekretari Jeneral Persatuan Bulan Sabit Merah, Awang Haji Muhammad Suhaimi bin Haji Ibrahim, yang memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dan disertai oleh Ahli-ahli Persatuan Bulan Sabit Merah dari Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjong Bunut.

>> Muka 3

Ketahui lebih dalam perancangan, inisiatif EGNC, CSB

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Seramai 15 Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengadakan lawatan ke Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC) dan Cyber Security Brunei (CSB), baru-baru ini.

Tujuan lawatan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN adalah sebagai wadah percambahan minda dan bertukar-tukar buah fikiran bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN untuk mencergaskan lagi digital transformasi di sektor kerajaan, serta melihat secara lebih

dekat lagi akan kebolehan dan usaha lanjutan di dalam menangani ancaman keselamatan siber Negara Brunei Darussalam melalui pendekatan Whole of Nation.

Program lawatan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dimulakan di EGNC yang mana ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemangku Pengarah EGNC, Pengiran Amirul Hayat bin Pengiran Haji Yussop.

>> Muka 5

Penduduk Kampung Mulaut pilih ketua kampung baharu

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

MULAUT, Ahad, 21 Januari. - Para penduduk di Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong bakal mempunyai ketua kampungnya yang baharu setelah pelaksanaan Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, hari ini.

Calon tunggal yang dibawa ke majlis tersebut ialah Awang Hamizan bin Haji Mustapa, berumur 35 tahun (semasa tarikh pencalonan ditutup beliau berusia 33 tahun) dan bermastautin di Kampung Mulaut sejak lahir. Beliau mempunyai kelulusan Bachelor of Arts dalam bidang Teknologi Kesenian dan Kreatif dari Universiti Brunei Darussalam tahun 2017.

>> Muka 7



Berita Utama



ITQSHHB terima pelajar baharu

Muka 6



JAGA solat, dekatkan diri dengan Allah Subhanahu Wata'ala

Muka 8



DES School adakan perkelahan tahunan

Muka 10



PESARA aktif bertukang besi

Muka 19



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas sempena Istiadat Perkahwinan Diraja Tahun Baharu Masihi 2024.

Istiadat Perkahwinan Diraja ristaan dan kenangan manis kepada semua

Beta dengan tulus ikhlas, merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan tenaga yang dihulurkan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk warga Perkhidmatan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara di atas sumbangan dan sokongan mereka bagi menjayakan Istiadat Perkahwinan Diraja paduka anakanda itu.

Juga tidak lupa dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para tetamu khas beta yang sudi hadir ke Istiadat ini, dan juga kepada semua pihak yang telah menyebarkan perutusan ucap selamat kepada beta dan keluarga, khasnya bagi kedua Pengantin Diraja. Sesungguhnya beta dan keluarga amat terharu dengan sambutan yang ditunjukkan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini lebih-lebih lagi para penuntut dan tenaga pengajar institusi pendidikan yang terlibat sama, terutamanya pada Istiadat Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi Bandar Seri Begawan.

Ini menggambarkan betapa uniknya adat istiadat yang kita warisi sejak sekian lama masih sahaja tetap terpelihara, sekalipun berhadapan dengan gelombang perubahan zaman.

Lebih membanggakan lagi ialah kemufakatan dan kerjasama yang terjalin kukuh di kalangan masyarakat pelbagai peringkat, dalam menjayakan satu-satu matlamat berkebijakan.

Beta berharap, keadaan ini akan terus kekal bagi memudahkan kita menjana kemajuan dan mempertahankan kedaulatan bangsa, ugama, negara dan raja.

Beta juga yakin, rakyat dan penduduk sama-sama bergembira menyaksikan satu peristiwa yang penuh sejarah, Istiadat Perkahwinan Diraja yang baru saja berlangsung itu.

Ia tentu saja akan menjadi ristaan dan kenangan manis kepada semua, lebih-lebih lagi bagi generasi-generasi penerus yang akan memastikan adat dan budaya adalah kekal relevan di masa-masa akan datang.

Akhirnya, penghargaan juga disampaikan kepada seluruh ahli jawatankuasa di kedua-dua peringkat, tertinggi dan kerja, atas segala khidmat usaha untuk menjayakan Istiadat ini.

Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan oleh Allah rahmat dan perlindungan-Nya yang berkekalan. *Amin*.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,

Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya

Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala

Asyarafil Mursaleen,

Sayyidina Muhammaddin,

Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,

Waba'du.

RAKYAT beta yang dikasihi! Alhamdulillah, beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang baru sahaja berlalu.

WAKTU SEMBAHYANG										
Januari MASIHI	Rejab HARI	Hijrah	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	ISNIN	10	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	SELASA	11	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41
24	RABU	12	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	KHAMIS	13	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
26	JUMAAT	14	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42
27	SABTU	15	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42
28	AHAD	16	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.30	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
ISNIN	SELASA	RABU	
Bandar Seri Begawan			
32 25 °C	32 25 °C	32 25 °C	
Pekan Bangar			
32 25 °C	31 25 °C	32 25 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

22 JANUARI 2024

Syukur selalu, jangan mengeluh

SATU amalan terpuji dalam diri manusia adalah sentiasa bersyukur dalam apa jua jenis keadaan. 'Alhamdulillah' adalah ungkapan ringkas sebagai tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat dan rezeki yang dikurniakan.

Kelebihan orang yang bersyukur dan sentiasa menghargai pemberian Allah termasuk nikmat usia, kesihatan, harta benda, anak serta keluarga, akan merasa kebahagiaan hidup.

Kita selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang hidup di muka bumi ini, kita janganlah lupa memanjatkan kesyukuran dalam apa jua keadaan, sama ada musibah yang berupa ujian dalam bentuk kesenangan atau kesusahan dengan melazimkan muhasabah diri dan taubat bagi menginsafi setiap perlakuan yang kita buat.

Bersyukur kepada Allah bukan hanya sebuah kewajiban, tetapi juga sebuah bentuk rasa cinta dan penghargaan kepada-Nya. Dengan bersyukur, kita mengakui bahawa segala sesuatu yang kita miliki, termasuk kemampuan dan kejayaan yang kita raih, adalah pemberian daripada Allah semata.

Bersyukur kepada Allah juga merupakan salah satu bentuk ibadah yang dapat mendekatkan diri kita kepada-Nya. Ketika kita bersyukur dengan penuh tulus ikhlas, kita mengakui kebesaran Allah dan bergantungannya kita sepenuhnya kepada-Nya. Semakin besar rasa syukur kita, semakin dalam pula keimanan dan kecintaan kita kepada Allah.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan ganjaran yang besar bagi hamba-Nya yang bersyukur. Allah berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 yang bermaksud, "Jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahkan (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih".

Jelaslah, Allah Subhanahu Wata'ala akan menambahkan keberkatan dan nikmat-Nya kepada kita. Namun, sebaliknya, jika kita lalai dan tidak menghargai nikmat-Nya, kita akan kehilangan nikmat tersebut.

Ketika kita sudah mencapai kejayaan dalam hidup, beringatlah bahawa kita dituntut supaya tidak bermegah kerana kejayaan dan kemewahan hanya sementara. Allah Subhanahu Wata'ala Maha Berkuasa dan mampu menariknya semula bagi insan yang tidak mensyukuri segala pemberian-Nya.

Percayalah, segala perancangan Allah adalah yang terbaik. Oleh itu, usahlah kita lalai dengan nikmat yang diberikan. Panjat kesyukuran, raih keberkatan dengan mengerjakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan melakukan sedemikian, hidup kita akan lebih aman, tenang dan penuh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

NOTA: AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندی رین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

ISTIQAMAH KUNCI KEJAYAAN HIDUP

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

>> Muka 1

Bersama mengimarahkan acara Munajat malam tadi ialah Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta jemaah Masjid Ar-Rahman Kampung Tanjong Bunut; dan Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait serta beberapa buah masjid termasuk surau dan balai ibadat yang berjumlah 58 buah dari seluruh negara.

Turut menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Juga menyerikan acara Munajat, warga kerja di bawah KHEU bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dipimpin oleh Imam Tingkat 1, Masjid Kampung Selangan, Awang Mahdini bin

Kamis, bersama ahli jawatankuasa takmir dan jemaah Masjid Kampung Selangan, Temburong.

Doa Munajat dibacakan oleh Pegawai Pelajaran (Tarannum), Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dari Masjid Ar-Rahman, Kampung Tanjung Bunut, Awang Haji Nasrul Fakhri bin Haji Yahya.

Sejurus selesai tazkirah, acara disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Penghulu Mukim Kuala Belait, Awang Haji Abdul Afiq bin Zainuddin bersama Majlis Perundingan Mukim Kuala Belait dari Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Bagi mengakhiri acara, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Mohd Alias bin Bakar.

Malam Munajat anjuran KHEU mengajak orang ramai untuk bersama-sama mempertingkatkan amalan kerohanian, meminta keampunan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristighfar, membaca ayat-ayat suci Al-Quran dan menghayati maknanya, serta merafakkan dan mengaminkan doa secara serentak beramai-ramai dengan harapan agar



TURUT menyertai Malam Munajat tersebut ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Negara Brunei Darussalam dan seluruh rakyat dan penduduknya terselamat dari segala bala bencana dan penyakit berbahaya.

Orang ramai adalah sangat dialu-

alukan menyertai acara Malam Munajat pada setiap Sabtu Malam Ahad secara maya melalui pautan <https://tiny.cc/munajatkheu> atau <https://www.facebook.com/pdi.kheu>.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Berikutan dengan tularnya beberapa isu yang melibatkan pemakanan dan pengangkutan bagi warga Perkhidmatan Awam, para penuntut dan tenaga pengajar institusi pendidikan semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja Mengelilingi Bandar Seri Begawan pada Ahad, 14 Januari 2024, Jawatankuasa Tertinggi Istiadat Perkahwinan Diraja dan Kementerian Pendidikan ingin menjelaskan bahawa kejadian yang di luar jangkaan tersebut amatlah dikesali dan tidak sepatutnya berlaku.

Dalam kenyataan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Sidang Media bagi Isu Pemakanan dan Kenderaan semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini, menjelaskan

Kesejahteraan, keselamatan rakyat, penduduk jadi keutamaan

YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Sidang Media bagi Isu Pemakanan dan Kenderaan semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

bahawa jawatankuasa tersebut memberikan perhatian serius terhadap perkara berkenaan dan telah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan dengan mengambil langkah-langkah bersesuaian di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggala 182) kepada syarikat-syarikat yang terbabit bagi mengelakkan perkara ini dari berulang.

Berikutan dengan insiden berkenaan menurut Yang Berhormat, Jawatankuasa Tertinggi Istiadat Perkahwinan Diraja telah menegaskan agar setiap pihak yang terlibat untuk tidak leka dan sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang dikeluarkan Kerajaan khususnya berkaitan memelihara dan menjaga kesejahteraan rakyat

dan penduduk.

Dalam masa yang sama juga, penyelenggaraan majlis-majlis berkaitan pada masa hadapan, akan dapat menjadikan pengalaman ini sebagai satu pengajaran dan iktibar bagi setiap perancangan yang akan dibuat, dimana ia perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya bersama dengan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya dari aspek penjagaan kesejahteraan, kesihatan dan keselamatan agar tidak dikompromi dengan sesuatu pun.

Sehubungan dengan ini, Jawatankuasa Tertinggi Istiadat Perkahwinan Diraja, Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja dan pihak-pihak yang ditugaskan dalam menyelenggarakan Istiadat Perkahwinan Diraja ini memohon maaf atas segala kesulitan dan ketidakselesaan yang dihadapi oleh setiap mereka yang terkesan daripada kejadian ini.

"Kementerian Pendidikan merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua guru dan pelajar atas penyertaan yang ikhlas dan meriah dan juga kepada ibu bapa dan penjaga atas sokongan mereka semasa acara perarakan sempena Istiadat

Perkahwinan Diraja," ujar Yang Berhormat.

Turut hadir pada Sidang Media berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pemangku

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

Menteri Pendidikan dan Setiausaha Tetap, (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

KAEDAH PENGANGKUTAN, PENGHANTARAN DIPERJELASKAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Ada dua kaedah pengangkutan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan, pertama *point-to-point* bagi para pelajar yang datang dari luar Daerah Brunei dan Muara, iaitu Daerah Tutong; Daerah Belait; dan Daerah Temburong termasuk beberapa sekolah, iaitu Sekolah Menengah Awang Semaun; dan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, para pelajar terus dihantar ke lokasi masing-masing.

Manakala kaedah kedua, iaitu *shuttles pickup* bagi para pelajar yang berada di kawasan Daerah Brunei dan Muara dengan ibu bapa dinasihatkan untuk menghantar anak-anak ke tempat *shuttle pickup point*.

Terdapat tiga lokasi *shuttle pickup point*, iaitu di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong dengan terdapat seramai 4,244 pelajar dan guru; di Jabatan Pengangkutan Darat, Beribi dengan keramaian 7,040 pelajar dan guru; dan di Kementerian Pendidikan Berakas seramai 5,535 pelajar dan guru yang ditetapkan di semua lokasi.

Kesemua pengangkutan berkenaan sebanyak 334 buah bas yang terdiri daripada bas-bas yang mempunyai tempat duduk 15 muatan, 22 muatan dan 45 muatan yang telah digunakan.

Setiasua Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, menjelaskan perkara demikian semasa menjawab soalan daripada pihak



SEKITAR Sidang Media bagi Isu Pemakanan dan Kenderaan semasa Istiadat Perarakan Pengantin Diraja yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan; Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pemangku Menteri Pendidikan dan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan.

media mengenai isu kelambatan penghantaran balik dan arahan untuk pelajar hadir seawal pagi pada Sidang Media Isu Pemakanan dan Kenderaan semasa acara perarakan sempena Istiadat Perkahwinan Diraja pada Ahad, 14 Januari lalu. Sidang Media diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

"Pengangkutan bagi guru dan pelajar ke lokasi-lokasi telah dihaskan sebelah pagi telah pun berjalan dengan lancar namun apa yang kita ketahui terdapat isu pengangkutan bas selepas acara

selesai kerana laluan jalan keluar untuk menuju ke lokasi-lokasi telah tersekat akibat kesesakan jalan raya dan mengakibatkan perjalanan bas tidak dapat bergerak dengan lancar.

"Selain itu, kesesakan jalan raya di sepanjang Jalan Pengiran Babu Raja menyebabkan bas-bas berkenaan lambat untuk sampai ke lokasi dan untuk makluman bersama juga daripada jumlah 334 buah bas yang digunakan itu sebanyak 282 buah bas telah melalui Jalan Pengiran Babu Raja termasuk bas-bas yang membawa

guru-guru dan pelajar-pelajar dari Daerah Belait dan Daerah Tutong," katanya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan mengenai isu dakwaan mengarahkan para pelajar untuk hadir seawal jam 5.00 pagi, beliau memaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan telah menyiasat perkara berkenaan dan mengeluarkan surat kepada ibu bapa terhadap penghantaran pelajar ke lokasi yang ditetapkan.

Menurutnya, setelah diteliti yang ada ialah memerlukan para pelajar untuk berada di *pickup point* pada

jam 6.00 pagi ke 8.00 pagi dan tertakluk kepada jarak jauh seperti dari Daerah Belait dan Daerah Tutong dan mereka ini diperlukan awal datang untuk dibawa ke perarakan berkenaan.

Turut hadir pada Sidang Media berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman selaku Pemangku Menteri Pendidikan.

Keputusan BCGCE Peringkat 'AS', 'A' dikeluarkan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Sabtu, 20 Januari. -Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE (BCGCE) Peringkat 'AS' dan 'A' Sesi Oktober / November 2023.

Bagi Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS', seramai 1,115 calon menduduki peperiksaan BCGCE peringkat 'AS' sesi Oktober / November 2023.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 1,110 adalah calon sekolah.

Seramai 807 calon sekolah (72.70 peratus) memperoleh dua 'AS' level dan ke atas.

Manakala calon sekolah yang memperoleh tiga 'AS' Level dan ke atas adalah seramai 522 (47.03 peratus)

Seramai 113 calon sekolah berjaya memperoleh Gred A dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 79 calon memperoleh Gred A dalam dua mata pelajaran dan 34 calon memperoleh Gred A dalam tiga mata pelajaran dan ke atas.

Jumlah calon sekolah yang memperoleh Gred A dalam lima mata pelajaran ialah seramai dua calon, empat mata pelajaran seramai dua calon, tiga mata pelajaran seramai 26 calon dan dua

mata pelajaran seramai 49 calon dengan jumlah keseluruhannya seramai 79 calon.

Manakala bagi peperiksaan BCGCE 'A' Level, seramai 1,649 calon menduduki Peperiksaan BCGCE peringkat 'A' Sesi Oktober/ November 2023.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 1,582 adalah calon sekolah.

Seramai 1,335 calon sekolah (84.39 peratus) memperoleh dua 'A' level dan ke atas.

Manakala calon sekolah yang memperoleh tiga 'A' Level dan ke atas adalah seramai 1,073 (67.83 peratus).

Seramai 125 calon sekolah berjaya memperoleh Gred A*/A dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 61 calon memperoleh Gred A*/A dalam sekurang-kurangnya dua mata pelajaran dan 64 calon memperoleh Gred A*/A dalam tiga mata pelajaran dan ke atas.

Jumlah calon sekolah memperoleh Gred A*/A dalam empat mata pelajaran ialah seramai Sembilan calon, tiga mata pelajaran seramai 55 calon, dan dua mata pelajaran seramai 61 calon dengan jumlah keseluruhannya seramai 125 calon.

Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa keputusan peperiksaan hanya

akan diperoleh melalui Pendaftaran Pesanan Ringkas (SMS).

Manakala slip keputusan, seperti yang biasanya dikeluarkan selepas keputusan peperiksaan diumumkan kepada para penuntut sekolah dan calon persendirian hanya akan diberikan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Bagi mana-mana calon yang berhasrat untuk menduduki

Peperiksaan BCGCE Peringkat 'AS' dan 'A', pendaftaran bagi Mei / Jun Tahun 2024 masih dibukakan dan tarikh tutup pendaftaran ialah pada Khamis, 15 Februari 2024.

Manakala bagi para calon sekolah hendaklah menghadapkan permohonan melalui sekolah masing-masing.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai pendaftaran peperiksaan

bagi Mei / Jun tahun 2024 bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau melalui Kaunter Jabatan Peperiksaan, Pusat Perkhidmatan Setempat (One-Stop Centre), Aras Bawah, Blok 'C', Kementerian Pendidikan semasa hari bekerja dari jam 7.45 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 1.30 petang hingga jam 4.00 petang.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan'. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024
2. 'Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan'. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024
3. 'Mengukuhkan Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KETAHUI LEBIH DALAM PERANCANGAN, INISIATIF EGNC, CSB



■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

>> Muka 1

Antara perkara yang disampaikan adalah mengenai pengenalan dan pencapaian jabatan, usaha-usaha dan perancangan penambahbaikan serta perkembangan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh EGNC.

Semasa lawatan tersebut, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berkesempatan untuk mengetahui lebih dekat mengenai inisiatif-inisiatif dan perancangan yang dibuat selaras dengan Pelan Strategik EGNC dan seterusnya mengadakan lawatan ke Network Operation Centre (NOC) bagi melihat secara dekat kerja pemantauan perkhidmatan-

perkhidmatan guna sama EGNC yang beroperasi 24 jam sehari.

Rombongan Yang Berhormat Ahli-Ahli MMN meneruskan lawatan ke CSB, iaitu agensi Keselamatan Siber Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Program lawatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis, dan diikuti dengan taklimat pengenalan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan CSB, Perintah Keselamatan Siber, Penilaian Keterdedahan dan Ujian Penembusan, Kesedaran & Jangkauan, dan E-Pembelajaran untuk Persekitaran Keselamatan Maklumat (ELISE).

YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara menyaksikan demonstrasi 'Identiti' dan seterusnya bergambar bersama Pesuruhjaya Interim Cyber Security Brunei, Awang Shamsul Bahri bin Haji Kamis (atas kiri dan atas).

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN kemudian berpeluang untuk menyaksikan pameran dan meninjau dengan lebih dekat lagi inisiatif-inisiatif CSB dalam menyebarkan kesedaran keselamatan siber di seluruh

negara dan pengenalan mengenai 'Identiti' iaitu aplikasi identiti digital yang menggunakan teknologi *blockchain*.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berkesempatan untuk melawat Makmal Forensik

Digital Kebangsaan (NDFL) bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang alat-alat yang digunakan oleh penganalisis forensik digital untuk mengusahakan bukti elektronik.

Berpeluang pelajari penyediaan hidangan Turkiye

■ Siaran Akhbar : Kedutaan Republik Turkiye

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Institut Yunus Emre (Yunus Emre Enstitüsü, YEE) dengan kerjasama Kedutaan Republik Turkiye, telah menganjurkan Bengkel Kulinari Makanan Turkiye baru-baru ini, untuk beberapa tetamu jemputan di Sekolah Kulinari, Kolej Perdagangan Laksamana (LCB).

Bengkel khas tersebut memberi peluang kepada para peserta, untuk mempelajari cara menyediakan dan memasak beberapa hidangan Turkiye yang unik, daripada Cef Eksekutif Kedutaan, Adem Can. Penyelaras YEE Brunei, Lale Ersoy selaku pembimbing, penterjemah dan menerangkan kepada para peserta.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turkiye ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Hamit Ersoy dalam ucapan perasmianya antara lain menyentuh berkaitan bagaimana 'dapur' "telah menjadi medium untuk diplomasi budaya".

Selain itu, istilah seperti *gastro-culture*, *gastro-tourism* dan *gastro-diplomacy* menandakan 'penyatuan' dan kepentingan 'dapur' untuk diplomasi, pelancongan, negara, identiti dan banyak lagi".

Peserta bengkel mempelajari cara menyediakan tiga hidangan yang dimulakan dengan hidangan Tarhana iaitu sup yogurt tradisional yang diperam, kemudian Karniyarik iaitu terung yang dibelah, hidangan utama yang dibuat dengan daging cincang dan terakhir hidangan Kabak Tatlısı, pencuci mulut berasaskan labu.

Sijil daripada YEE disampaikan kepada semua peserta termasuk isteri-isteri menteri-menteri, pegawai kanan kerajaan dan anggota peringkat tinggi sektor swasta.



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



ITQSHHB TERIMA PELAJAR BAHARU

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) sejak penubuhannya 31 tahun lalu, telah banyak melakar kejayaan dan perkembangan yang signifikan, khususnya dalam bidang hafazan Al-Quran dan perkembangan ilmu Qiraat.

Selain itu, institut berkenaan juga sudah melahirkan seramai 713 pelajar yang telah khatam hafazan Al-Quran 30 juz di hadapan muallim / muallimah Al-Quran atau pada peringkat institut yang membolehkan para pelajar ini mengikuti Skim Elaun Hafaz Al-Quran melalui Ujian Tasmie Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam sebagai insentif kepada para penghafaz Al-Quran mengikut kategori hafazan 10, 20 dan 30 juz.

Perkara itu digariskan oleh tetamu kehormat, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh pada Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu ITQSHHB bagi Sesi 1445H / 2024M yang diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Kuliah, institut berkenaan di Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Sehubungan itu, seramai 63 pelajar, iaitu 30 lelaki dan 33 perempuan diterima masuk ke ITQSHHB bagi mengikuti pengajian di peringkat menengah.

Tambahnya lagi, turut difahamkan peningkatan jumlah peserta yang

lulus bagi Ujian Hafazan 30 juz juga meningkat dari setahun ke setahun iaitu tahun 2021 seramai 73 orang; 2022 kepada 75 orang dan tahun 2023 mencatatkan seramai 77 orang yang diuji tasmie dua kali setahun bagi melayakkan mereka menerima elaun sebanyak BND1,000 sebulan.

Justeru jelas Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap lagi, usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui KHEU dalam menjaga dan memelihara para penghafaz Al-Quran untuk terus menghafaz di dada para huffaz, wajarlah disahut oleh para pelajar dan didukung oleh para ibu bapa agar pelajar-pelajar akan terus istiqamah dan ditetapkan hati untuk terus menghafaz ayat demi ayat.

"Namun di sebalik liku-liku cabaran yang dilalui ini percayalah dan yakinlah akan terselit di dalamnya kesenangan yang akan diraih di penghujung nanti.

"Apatah lagi para pelajar, anak-anak *biskita* akan sentiasa bertemankan kitab suci Al-Quran untuk dihafal, insyaaAllah anak-anak *biskita* akan dipermudahkan untuk belajar ilmu akademik dan ilmu yang lain," ujarnya.

Beliau juga berharap dengan kemasukan para pelajar baharu ini juga ITQSHHB akan lebih kreatif, efektif dan inovatif dalam usaha menarik minat lebih ramai pelajar yang cintakan dan muliakan Al-Quran serta berakhlak dengan

Al-Quran dalam seluruh kehidupan mereka sehingga dapat menguasai bidang hafazan Al-Quran dengan cemerlang demi merealisasikan hasrat negara sebagai sebuah Negara Zikir.

Bagi para pelajarnya pula, beliau turut berpesan agar para pelajar dapat mengimbangi hafazan Al-Quran dengan arus pendidikan semasa iaitu mata Pelajaran akademik dan Islamiah yang lain serta Kemahiran ICT agar menjadi seorang Al-Hafiz dan Al-Hafizah yang mempunyai pelbagai kemahiran selaras dengan misi ITQSHHB 'Mendidik Pelajar, Menyelidik dan Menyebarkan Al-Quran Bagi Melahirkan Generasi Hafiz Yang Profesional'.

Terdahulu, Program Minggu Taaruf (Orientasi) bagi pelajar-pelajar baharu telah diadakan selama enam hari bermula dari 8 hingga 13 Januari 2024.

Antara aktiviti yang diaturnya sepanjang sesi orientasi tersebut seperti Bengkel Pengenalan Hafazan Al-Quran; Taklimat mengenai Bahagian Asrama dan Bahagian Perpustakaan serta Tinjauan Bangunan ITQSHHB; Taklimat Pengenalan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya; Kem Motivasi dan Kepimpinan; Kelas Al-Quran, Solat Sunat Duha Berjemaah; Malam Cinta Rasul; Hafazan Challenge; Transformasi Huffaz, Taklimat Fire Drill; Etika Pakaian; dan Aktiviti Sukan serta Kuliah Subuh.

Majlis pada awalnya dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran daripada pelajar baharu Tahun 7 bagi Sesi Pengajian 1445H/2024M di ITQSHHB iaitu



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penerimaan Pelajar-pelajar Baharu ITQSHHB bagi Sesi 1445H / 2024M dan seterusnya menyampaikan penyerahan Mushaf Al-Quran kepada pelajar (atas kiri). Manakala gambar atas, antara pelajar yang hadir pada majlis berkenaan. Sementara gambar bawah, bacaan ikrar daripada para pelajar baharu ITQSHHB Sesi 1445H / 2024M diketuai oleh Awang Muhammad Aryan Rizqin bin Ruslani.

bacaan Surah Al-Baqarah dari ayat 284-286 oleh Awang Muhammad Faqieh bin Fisol, manakala inti sari dibacakan oleh Awang Muhammad Azhan Az Zoreef bin Haji Md Syahiran.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, disusuli ucapan daripada tetamu kehormat majlis.

Seterusnya, penyerahan Mushaf Al-Quran kepada pelajar-pelajar

baharu yang disempurnakan oleh tetamu kehormat dan kemudiannya bacaan ikrar daripada para pelajar baharu ITQSHHB Sesi 1445H / 2024M diketuai oleh Awang Muhammad Aryan Rizqin bin Ruslani.

Setelah itu, diikuti dengan penerimaan pelajar-pelajar baharu ke ITQSHHB, dan majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Irma Mohammad Hazmie bin Haji Metussin.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja


STATUS
TIDAK DIPERAKUKAN

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila **sahkan** bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



PENDUDUK KAMPUNG MULAUT PILIH KETUA KAMPUNG BAHARU

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

>> Muka 1

Seramai 133 penduduk kampung telah mengundi calon untuk mengisi jawatan Ketua Kampung Mulaut di mana 12 orang telah mengundi menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK dan 121 orang menggunakan kertas undi. Daripada 133 undian diterima, sejumlah 82 undian menyatakan setuju, 49 undian tidak setuju manakala dua undi rosak.

Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim dalam ucapannya berkata bahawa pengundian dan pemilihan calon Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong ini adalah amat penting kepada para penduduk yang tinggal di kampung ini kerana pemegang jawatan ini akan berperanan serta bertindak sebagai perantara dua hala bukan hanya sebagai 'mata', 'telinga', dan 'lidah' malahan sebagai 'kaki' dan 'tangan' kerajaan

serta penduduk kampungnya bagi menjaga dan mengawasi kepentingan dan keselamatan kampung di bawah penjagaannya.

Di samping itu tambahnya, seorang ketua kampung harus bertanggungjawab mewujudkan, memelihara dan mengekalkan persefahaman, perpaduan dan keharmonian hidup bermasyarakat serta menggalakkan semangat bermucang-mucang dan bergotong-royong supaya ia tidak luput di makan zaman.

"Seorang ketua kampung itu juga berperanan mengadakan perundingan, permuzakarah dan permuafakatan dengan Majlis Perundingan Kampung serta bersama anak buah kampung mengenai apa jua perkara berkebajikan untuk pembangunan, kesentosaan dan kesejahteraan terutama sekali yang berkaitan dengan permasalahan anak-anak buah kampung, keselamatan dan keamanan dalam sesebuah



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara berucap pada Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong.

kampung dan negara umumnya.

"Dengan berbuat demikian, ketua kampung akan dapat mendekatkan diri mereka dengan anak-anak buah mukim dan kampung dan seterusnya memperkukuhkan lagi jalinan silaturahmi di antara Ketua Kampung dengan anak-anak buah masing-masing sekali gus menyumbang kepada suasana mukim dan kampung yang lebih harmoni dan sejahtera sepertimana yang diharap-harapkan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," ujarnya.

Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak turut menyatakan, antara tujuan mengundi adalah merupakan satu mekanisme bagi setiap penduduk dan rakyat di negara ini yang telah cukup umur

untuk memilih pemimpin pada peringkat akar umbi sama ada mengundi menyokong atau tidak menyokong calon bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Mulaut Mukim Sengkurong.

Menurutnya, ini memandangkan setiap undi akan dikira di mana keputusan pengundian akan menentukan sama ada calon-calon berkenaan layak untuk menjawat jawatan Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong.

"Untuk mencapai hasrat serta wawasan ke arah membangunkan dan memajukan Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong ini ia memerlukan adunan dari segi kerjasama, sokongan kuat serta perpaduan masyarakat kampung yang berterusan, ditambah lagi dengan adanya corak kepimpinan yang baik dan bijaksana daripada

ketua kampung sebagai teras pemimpin masyarakat dari peringkat akar umbi," ujar beliau.

Majlis Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong dilaksanakan menggunakan dua kaedah iaitu secara kertas undi rasmi (*ballot papers*) dan melalui kaedah secara dalam talian (*online*) menggunakan Aplikasi e-Undi PMKK melalui peranti atau telefon pintar pengundi masing-masing yang telah dibukakan mulai 19 hingga 21 Januari 2024.

Keputusan Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Mulaut akan dihadapkan ke Lembaga Perjawatan, Disiplin dan Tatatertib Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi proses selanjutnya.



ANTARA kaedah yang dilaksanakan pada Majlis Pengundian dan Pemilihan Ketua Kampung Mulaut, Mukim Sengkurong berkenaan.

23 Kadet Bomba dan Penyelamat UNISSA diraikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



KETUA Kadet Bomba dan Penyelamat, UNISSA, Awang Md. Nooraf Fazly bin Md. Nooraf Fdillah dalam ucapan alu-aluannya.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Seramai 23 Kadet Bomba dan Penyelamat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan pada Majlis Tamat Kursus dan Penyampaian Sijil Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat UNISSA Pengambilan Ketiga dan Keempat yang berlangsung di The Capital Residence Hotel, di ibu negara, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat

dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para kadet, Penolong Penguasa Bomba Pusat Latihan Bomba dan Penyelamat, Dayang Azlina binti Haji Adnan.

Majlis antara lain bertujuan untuk mengiktiraf usaha dan prestasi peserta kursus yang telah menyelesaikan program latihan atau pendidikan di samping sebagai memberikan penghormatan kepada peserta atas kerja keras, komitmen dan pencapaian mereka.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang diketuai oleh Kadet Bomba, Abdul Qawi bin Abdullah Abd. Malik.

Dalam ucapan alu-aluannya, Ketua Kadet Bomba dan Penyelamat, UNISSA, Awang Md. Nooraf Fazly bin Md. Nooraf Fdillah mewakili pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat UNISSA menyampaikan ucapan penghargaan kepada para pensyarah dan jurulatih yang telah bersungguh-sungguh dalam memastikan setiap peserta menerima pendidikan yang berkualiti sepanjang tempoh kursus diadakan.

Penghargaan berkenaan jelasnya bukan hanya satu acara

tetapi satu pengiktirafan kepada usaha dan dedikasi daripada setiap individu yang terlibat.

Di sepanjang kursus dijalankan tambah beliau, pelbagai peristiwa pahit dan manis dilalui bersama, setiap latihan dan kursus, ditempuhi dengan sabar, justeru itu hari ini merupakan hari yang istimewa kerana dapat berkumpul untuk menghargai jasa dan pengorbanan pasukan bomba dan penyelamat yang tidak kenal erti lelah.

"Kepada para Kadet Bomba dan Penyelamat pengambilan ketiga dan keempat, terima kasih atas semangat dan komitmen yang diberikan di sepanjang tempoh kursus, dengan latihan dan kemahiran yang diperoleh, kita banyak belajar mengenai keberanian, kerjasama dan tanggungjawab.

"Ia adalah satu pengalaman yang membentuk diri kita untuk menjadi individu yang prihatin dan bersedia membantu masyarakat," ujarnya.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Timbalan Pengarah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UNISSA, Dr. Norashikin binti Yusof. Majlis turut menyaksikan tayangan video aktiviti pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat UNISSA.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan menikmati jamuan.



SERAMAI 23 Kadet Bomba dan Penyelamat, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) diraikan pada Majlis Tamat Kursus dan Penyampaian Sijil Pasukan Kadet Bomba dan Penyelamat UNISSA Pengambilan Ketiga dan Keempat yang berlangsung di The Capital Residence Hotel, di ibu negara (atas dan bawah).



JAGA SOLAT, DEKATKAN DIRI DENGAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

■ Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

TUTONG, Ahad, 21 Januari. - Solat ialah hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala, siapa yang solat maka ia menjaga hubungannya dengan-Nya. Solat juga merupakan ujian Allah kepada kita sebagai hamba-Nya. Dan daripada semua solat-solat itu, dua solat yang paling kita diuji ialah Solat Fardu Subuh dan Isyak.

Perkara itu antara inti pati tazkirah bertajuk 'Kelebihan Solat Subuh Berjemaah dan Keutamaan Mengajak Kebaikan' yang disampaikan oleh Imam Masjid Kampung Danau, Abdul Hadi bin Abd. Rahman pada Kempen Solat Subuh Berjemaah bulan Rejab yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Menurut Abdul Hadi, sebagaimana dalam hadis ada menjelaskan, "Solat yang paling berat bagi orang munafik itu ialah Subuh dan Isyak, kalaulah mereka tahu akan ganjarannya maka mereka akan datang dalam keadaan merangkak".

Mengenai kelebihan Solat Fardu Subuh Berjemaah di masjid, jelasnya jika kita dapat untuk menunaikan Solat Fardu Subuh iaitu sembahyang pada awal waktu

berjemaah di masjid, maka ini kita telah berada pada kedudukan yang baik. Kerana pertama katanya, kita mulakan kehidupan kita dengan mencari keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala. Kemudian keduanya, kita berada dalam lindungan-Nya.

Beliau seterusnya menjelaskan lagi, sebagaimana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sahih Muslim bermaksud, "Barang siapa yang melaksanakan subuh berjemaah, maka ia berada pada lindungan jaminan Allah. Jagalah Allah, Allah akan jaga kamu. Tidaklah ada penjagaan yang terbaik, melainkan apabila kita dalam jagaan, pengawasan dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala".

Kemudian beliau juga menerangkan mengenai dengan mengajak untuk berbuat kebaikan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, Surah Al-Imran, ayat 110, "Kamu adalah sebaik-baik ummah yang dikeluarkan untuk manusia. Kamu menyuruh berbuat kebaikan, melarang berbuat kemungkaran".

Menurutnya, tugas kita semua ialah menyampaikan semua kebaikan. Jika seorang Muslim membuat satu kebaikan maka akan



KEMPEN Solat Subuh Berjemaah bulan Rejab yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong disertai lebih 200 jemaah.

dapat manfaat untuknya sendiri, tetapi di dalam Islam kita boleh menggunakan sistem *marketing* dalam mengutip pahala dengan mengajak atau melakukan kempen kepada orang lain.

Program didahului dengan menunaikan Solat Fardu Subuh Berjemaah, membaca dan Tadabbur Al-Quran beramai-ramai

yang disertai lebih 200 jemaah.

Kempen berkenaan merupakan anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dalam mengimarahkan masjid dengan menunaikan Solat Subuh Berjemaah. Dengan kehadiran jemaah itu adalah didoakan akan membuka dan dikurniakan lebih keberkatan dan

ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Seperti dalam hadis riwayat Muslim, "Barang siapa yang Solat Isyak Berjemaah maka seakan-akan dia telah solat separuh malam. Dan barang siapa Solat Subuh Berjemaah maka seakan-akan dia telah melaksanakan solat malam semalam penuh".

PERWIRA adakan Lawatan Muhibah ke Malaysia



■ Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. – Persatuan Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) menghantar rombongan bagi Lawatan Muhibah selama empat hari atas jemputan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (PVATM).

Rombongan berkenaan diketuai oleh Yang Di-Pertua PERWIRA, Lt. Kol. (B) Ramli bin Haji Abdul Hadis.

Turut serta dalam rombongan berkenaan ialah mantan Yang

Di-Pertua PERWIRA, Yang Dimulikan Pehin Dato Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Shari bin Ahmad dan isteri; Setiausaha Agung PERWIRA, Bendahari Agung PERWIRA dan seorang Ahli Jawatankuasa Kerja Cawangan Daerah Belait.

Lawatan selama empat hari berkenaan yang bermula pada hari ini merupakan satu kegiatan VECONAC Interaction Program (VIP) yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan dua hala antara Ahli-ahli Pertubuhan-pertubuhan Veteran Negara-negara ASEAN (VECONAC).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar ialah Timbalan Yang Di-Pertua PERWIRA, Ketua Cawangan Daerah Brunei dan Muara dan Ahli-ahli Urus Setia Pejabat Setiausaha Agung PERWIRA.

PERSATUAN Veteran Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PERWIRA) menghantar rombongan bagi Lawatan Muhibah selama empat hari atas jemputan Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN



ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja



PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)



PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja



PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran



PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS


- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif



PANTAU PENGGUNAAN PERANTI DALAM KALANGAN ANAK-ANAK

Berita dan Foto : Aimi Sani

MENTIRI, Ahad, 21 Januari. - Perkembangan teknologi informasi dan komunikasi sangat pantas



tersebar di seluruh pelosok dunia. Peranti digital diakui banyak memberi manfaat kepada masyarakat di seluruh dunia, namun tidak juga dinafikan terdapat kesan negatif akibat penggunaannya ke atas perkembangan kanak-kanak dan remaja. Banyak kajian menunjukkan kesan negatif teknologi digital dan peranti terhadap kanak-kanak.

PENGUNAAN peranti secara berlebihan sejak kecil boleh menjejaskan banyak bidang kehidupan kanak-kanak.

Penggunaan peranti secara berlebihan sejak kecil boleh menjejaskan banyak bidang kehidupan kanak-kanak. Contohnya, kanak-kanak yang sibuk menggunakan peranti sebagai ganti alat permainan akan hilang fokus, kurang kemahiran berkomunikasi, lemah kemahiran berbahasa dan berkemungkinan menjejaskan penguasaan akademik.

Dalam keadaan situasi semasa, ibu bapa bertanggungjawab ke atas anak-anak mereka dalam era teknologi digital menjadi semakin sukar dan mencabar iaitu ibu bapa berperanan penting membantu menggalakkan aktiviti seharian agar wujud kepelbagaian perkembangan kecerdasan fasa

pada anak.

Meskipun anak-anak mahir menggunakan alat elektronik, mereka memerlukan bimbingan ibu bapa. Perkara ini agak mencabar memandangkan kebanyakan keluarga terdiri daripada ibu bapa yang bekerja, namun kerjaya tidak boleh dijadikan alasan sehingga mengabaikan tanggungjawab ini.

Pengguna dalam dunia digital mempunyai akses kepada segala macam maklumat tanpa had di mana kita dapat berhubung, berkongsi maklumat atau idea menerusi mesej elektronik di media sosial.

Oleh itu, penting untuk ibu bapa meningkatkan kesedaran dan menunjukkan contoh yang


baik kepada anak menggunakan peranti secara bijak dan menapis setiap maklumat dicari atau diterima supaya mereka dapat menerapkannya dalam kehidupan.

Asuhan dalam memperkembangkan potensi kecerdasan pelbagai dalam kalangan anak-anak wajar dilakukan di samping didikan dan asuhan berkaitan perkara lain yang tidak boleh dilakukan secara sambil lewa.

Hal ini penting ke arah melahirkan generasi yang boleh mencapai kesejahteraan diri seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keluarga, masyarakat sehingga menjadi modal insan bagi pembangunan negara.

Budaya membaca bantu perkembangan minda

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



AMALAN membaca banyak memberi manfaat untuk perkembangan minda dan emosi kanak-kanak dan remaja (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Januari. - Amalan membaca banyak memberi manfaat untuk perkembangan minda dan emosi kanak-kanak dan remaja.

Selain itu, membaca juga memberi idea serta inspirasi dan menambah ilmu pengetahuan mereka.

Justeru itu, ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk minat dan menghidupkan budaya membaca dalam kalangan anak-anak, terutama dalam era teknologi masa kini yang menyaksikan lambakan gajet, permainan dalam talian dan media sosial yang memberikan hiburan berdasarkan kepada keseronokan semata-mata.

Meskipun teknologi berkenaan turut mempunyai kelebihan

tersendiri, namun kelalaian dalam mengawal penggunaannya akan membawa kepada pengabaian masa.

Tambahan pula, pendedahan skrin yang terlalu lama boleh menimbulkan masalah kesihatan kepada anak-anak dalam jangka masa panjang termasuk gangguan tidur, sakit kepala dan penglihatan kabur.

Terdapat pelbagai cara boleh dilakukan oleh para ibu bapa untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak antaranya membina persekitaran kondusif di rumah dengan menyediakan sudut membaca yang menempatkan kerusi atau permaidani selesa dan bakul yang dipenuhi dengan buku.

Ibu bapa juga perlu peka dengan

minat dan keinginan anak-anak dengan memilih bahan bacaan yang dapat menarik perhatian mereka seperti sejarah, sains, sains fiksi, pengembaraan, penyiasatan, misteri, teknologi, kesihatan dan dekorasi.

Ini sudah setentunya dapat membantu membentuk penetapan minda (*mindset*) mereka bahawa membaca merupakan aktiviti yang menyeronokkan.

Di samping itu, pendedahan kepada pelbagai genre yang bermanfaat dan berkualiti dapat membantu mereka meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan.

Walau bagaimanapun, menyediakan bahan bacaan di rumah memerlukan ibu bapa membuat sedikit pelaburan untuk membeli buku-buku yang diperlukan.

Namun, bagi ibu bapa yang kurang berkemampuan, terdapat cara lain untuk menggalakkan minat membaca dalam kalangan anak-anak, iaitu dengan membawa mereka ke perpustakaan yang menyediakan bahan bacaan untuk pelbagai peringkat umur dan mendaftarkan anak-anak sebagai ahli perpustakaan untuk memudahkan mereka meminjam buku.

Di samping itu, ibu bapa juga boleh menjimatkan wang dengan membeli buku terpakai yang boleh dibeli semasa jualan garaj (*garage sale*) dan jualan but kereta (*car boot sale*) atau menerusi dalam talian dengan membeli secara pukal bagi menjimatkan kos penghantaran.


Bagi meningkatkan minat dan kemahiran berfikir mereka, ibu bapa boleh mengambil tahu akan buku yang telah dibaca oleh anak-anak mereka dengan meminta mereka menceritakan semula apa yang telah dibaca, watak-watak menarik dalam buku berkenaan, serta pendapat dan pengajaran yang mereka peroleh menerusi



pembacaan berkenaan.

Oleh itu, memupuk minat membaca merupakan proses yang berterusan dan ibu bapa

memainkan peranan penting dalam menerapkan tabiat yang positif berkenaan kepada anak-anak mereka.



DES SCHOOL ADAKAN PERKELAHAN TAHUNAN



DES School mengadakan perkelahan Teddy Bear tahunan sebagai permulaan aktiviti tahun baharu bersama para pelajar.

■ Siaran Akhbar dan Foto : DES School

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - DES School mengadakan perkelahan Teddy Bear tahunan pada hari ini sebagai permulaan aktiviti tahun baharu. Para pelajar turut memakai

pakaian berkelah terbaik mereka dan juga membawa patung Teddy mereka. Aktiviti termasuk berkelah bersama dengan rakan-rakan dan ibu bapa.

Juga diadakan ialah pertunjukan boneka yang mempamerkan 'Goldilocks dan The Three Bears', pertunjukan fesyen, permainan dan persembahan tarian.

Turut disediakan juga ialah Teddy Bear Photo Booth dan Bake Sale.

Bayar cukai tahunan tanah

■ Siaran Akhbar : Jabatan Tanah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan mengingatkan kepada orang ramai khususnya pemilik-pemilik tanah yang berdaftar bahawa adalah menjadi tanggungjawab bagi pemilik-pemilik tanah yang berdaftar untuk sentiasa menjelaskan bayaran cukai tanah setiap tahun sepertimana yang terkandung di dalam Kanun Tanah Penggal 40.

Sehubungan dengan ini, orang ramai juga dikehendaki untuk menjelaskan sebarang tunggakan cukai tahunan tanah mereka, jika ada.

Pembayaran bolehlah dibuat melalui kaunter pembayaran di setiap Pejabat Tanah Daerah sewaktu operasi iaitu pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, pada pukul 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan 1.45 petang hingga 3.00 petang kecuali pada Sabtu sehingga pukul 2.45 petang.

Pembayaran menggunakan cek, hanya akan dapat diterima pada waktu pagi dan pembayaran juga boleh dibuat secara dalam talian iaitu melalui aplikasi BIBD Online Banking.

Bagi tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS), pembayaran lesen tahunan hanya boleh dibuat di Kaunter Pembayaran di setiap Pejabat Tanah Daerah.

Maklumat lanjut mengenai jumlah tunggakan dan tatacara membuat pembayaran melalui BIBD, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Tanah, www.land.gov.bn.

Undi, pilih calon Ketua Kampung Lugu, Katimahar

■ Siaran Akhbar : Jabatan Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Lugu dan Katimahar bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Mukim Sengkurong akan diadakan pada Ahad, 28 Januari 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Sekolah Rendah Awang Haji Mohd Yusof, Kampung Katimahar.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Lugu dan Katimahar, Mukim Sengkurong akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 28 Januari 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 26 hingga 28 Januari 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Lugu dan Katimahar yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung Lugu dan Katimahar ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 28 Januari 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 25 Januari 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Lugu dan Katimahar, Mukim Sengkurong untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.

Undi, pilih calon Ketua Kampung Tanjong Nangka

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampung Tanjong Nangka bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjong Nangka, Mukim Sengkurong akan diadakan pada Ahad, 28 Januari 2024 bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Dewan Satenaga, Kampung Tanjong Nangka.

Sehubungan itu, Majlis Pengundian dan Pemilihan Calon Ketua Kampung Tanjong Nangka, Mukim Sengkurong akan menggunakan dua kaedah ini iaitu secara *ballot papers* pada 28 Januari 2024 dan melalui undian dalam Mobile Aplikasi yang akan dibukakan melalui Aplikasi e-Undi PMKK mulai pada 26 hingga 28 Januari 2024.

Oleh itu, kepada penduduk-penduduk Kampung Tanjong Nangka yang belum mendaftar, bolehlah mendaftar menggunakan borang daftar penduduk melalui Pemangku Ketua Kampung Tanjong Nangka ataupun melalui Bahagian Institusi Mukim dan Kampung (JDBM) sebelum 28 Januari 2024 manakala bagi Mobile Aplikasi boleh mendaftar melalui Aplikasi e-Undi PMKK sebelum 25 Januari 2024, pada jam 8.00 pagi.

JDBM seterusnya menjunjung dan mempersilakan penduduk-penduduk Kampung Tanjong Nangka, Mukim Sengkurong untuk hadir mengundi pada majlis tersebut pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan.



جاڤتن فرانتڤن ايكونومي دان ستاتيسٽيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

URUS KEWANGAN DENGAN BIJAK

Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Pengurusan kewangan adalah aspek yang sangat penting dalam memastikan kestabilan kewangan bagi setiap individu.

Ia melibatkan penyusunan serta pemantauan kewangan peribadi untuk mencapai matlamat kewangan yang diinginkan.

Merancang bajet merupakan langkah awal dalam pengurusan kewangan peribadi, membolehkan individu mengawal perbelanjaan dan menabung secara berhemah.

Berikutan Khutbah Jumaat baru-baru ini, jelas sekali bahawa setiap individu harus bijak dalam mengurus kewangan masing-masing kerana harta itu merupakan suatu amanah daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dimanfaatkan dengan sebaiknya dan bukanlah untuk disia-siakan sehingga terjadinya

pembaziran.

Amalan menabung pula merupakan suatu amalan yang bijak dalam mengurus kewangan.

Menabung membantu untuk kita membina keupayaan untuk menghadapi cabaran kewangan yang mendadak, seperti kecemasan.

Ia juga memberi keupayaan untuk merancang masa depan dengan lebih yakin, termasuk persediaan bagi pendidikan, percutian, mahupun persaraan.

Tabiat menabung adalah dasar kepada kesejahteraan kewangan dan memberikan ketenangan fikiran.

Langkah pertama dalam menabung adalah merancang bajet dengan bijak. Dengan mengetahui jumlah pendapatan dan perbelanjaan, seseorang dapat mengenal pasti jumlah yang boleh disimpan setiap bulan.

Bajet membantu mengawal perbelanjaan dan menyediakan ruang untuk menabung tanpa

mengorbankan keperluan asas.

Dengan menitikberatkan pada tabiat menabung, individu dapat memastikan kestabilan kewangan jangka panjang.

Menabung adalah pertahanan utama terhadap ketidakpastian kewangan dan merupakan langkah proaktif untuk mencapai matlamat kewangan serta merancang masa depan yang lebih mapan.

Oleh itu, penting bagi setiap individu untuk mengamalkan tabiat menabung sebagai asas kepada pengurusan kewangan peribadi yang cemerlang.

Pentingnya pengurusan kewangan peribadi tidak hanya dalam konteks kesejahteraan masa kini, tetapi juga membentuk landskap kewangan masa depan.

Pemahaman tentang keperluan perlindungan insurans dan perancangan persaraan turut memberikan ketenangan fikiran dan



PENGURUSAN kewangan sangat penting dalam memastikan kestabilan kewangan bagi setiap individu.

jaminan kewangan di hari tua nanti.

Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan membuka pintu kepada kesejahteraan kewangan. Dengan pemahaman

yang baik tentang pendapatan dan perbelanjaan, individu dapat mencapai matlamat kewangan mereka serta merancang masa depan yang lebih stabil.

Kuih tradisional The Pancit tonjolkan keunikan, keistimewaan tersendiri

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani Foto : Ihsan The Pancit

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Kejayaan tidak akan tercapai tanpa adanya usaha serta kerja keras dan ia perlu ditampung dengan ilmu bagi membantu seseorang untuk terus berjaya.

Menjalankan perniagaan kuih tradisional yang dikenali dengan The Pancit, Pengasas dan Pengasas Bersama iaitu Dayang Nurul Hamizah binti Haji Juli dan Dayang Siti Juzailah binti Haji Jumat membuktikan bahawa walaupun tidak mempunyai latar belakang dalam bidang keusahawanan, berkat usaha dan tanpa putus asa untuk menimba ilmu, perniagaan boleh sahaja dijalankan.

The Pancit adalah sebuah perusahaan yang mengeluarkan produk kuih tradisional jenis basah iaitu Kuih Pancit. Kuih Pancit lebih dikenali di Negara Brunei Darussalam sebagai Kuih Onde-onde, Buah Melaka dan sebagainya. Oleh yang demikian, agar kuih yang mereka hasilkan dikenali dengan namanya sendiri, mereka memilih untuk menamakannya sebagai The Pancit.

Menurut Dayang Nurul Hamizah, The Pancit memulakan operasi pada tahun 2020 dengan sekala kecil di Kampung Rimba. "Segala jenis operasi pada waktu itu sangatlah terhad dan hanya diusahakan oleh kami berdua dan sering dibantu oleh ibu bapa kami di rumah.

"Alhamdulillah atas permintaan yang sangat memberangsangkan

daripada pelanggan, kami membuat keputusan untuk membuat dapur khas bersaiz kecil untuk menghasilkan Kuih Pancit di Kampung Jangsak," ujarnya. Pada tahun 2023 jelasnya, The Pancit akhirnya menyewa sebuah tempat khas yang dijadikan sebagai tempat pengeluaran utama The Pancit yang juga terletak di kampung berkenaan.

Beliau menjelaskan, keistimewaan The Pancit ialah resipi pembuatannya yang diperoleh daripada Allahyarhamah nenek mereka. Hanya memfokuskan penghasilan satu jenis kuih, setiap perincian Kuih Pancit yang dihasilkan oleh The Pancit melalui banyak proses *trial and error* untuk memastikan pelanggan akan mendapat kepuasan rasa yang asli dan memuaskan.

"Keunikan The Pancit ialah dari sudut saiznya. Saiznya dikecilkan sedikit agar ia menjadi *bite-sized*. Selain daripada itu, kelapa yang kami gunakan untuk menyalut Kuih Pancit digarut atau diparut sendiri. Oleh sebab itulah, kelapa yang menyalut kuih Pancit lebih halus dan lebih ringan," ujarnya lagi.

Beliau menambah, The Pancit juga telah menghasilkan beberapa *flavor* Pancit seperti Taro Pancit (pancit berintikan isi keladi yang sudah berukus) dan Caramel Pancit (pancit berintikan sos karamel). Jelasnya, usaha memvariasikan rasa Pancit itu adalah untuk menyelaraskan selera pelanggan yang berubah mengikut peredaran zaman dengan kuih tradisional.

Semasa mengongsikan cabaran dalam menjalankan perniagaan, beliau menjelaskan ia memang banyak dan untuk setakat ini cabarannya ialah untuk memastikan kesegaran atau *freshness* kuih yang dihasilkan kerana kelapa parut mempunyai had masa kesegaran.

"Untuk memastikan pelanggan mendapat produk kami dengan kualiti yang tinggi, kami hanya akan membuat kuih ini sekurang-kurangnya tiga hingga empat jam sebelum waktu yang ditetapkan oleh pelanggan," jelasnya. Namun tambahnya, cabaran yang paling utama ialah kekurangan ilmu menjalankan perniagaan kerana latar belakang pendidikan mereka tidak seialiran dengan bidang perniagaan.

Pada awalnya, mereka hanya merujuk kepada beberapa rakan pengusaha perniagaan yang lain untuk mendapatkan tunjuk ajar namun selepas beberapa tahun, mereka sendiri aktif mencari ilmu di luar negara dengan menghadiri seminar dan bengkel perniagaan.

"Ilmu perniagaan itu penting agar perniagaan yang diusahakan dapat bertahan dalam keadaan ekonomi pada ketika ini. Bukan setakat itu sahaja, kami juga turut menghantar beberapa pekerja kami untuk menghadiri bengkel perniagaan di luar negara," ujarnya lagi. "Alhamdulillah, dengan sokongan ibu bapa dan kawan-kawan serta adik saudara saya, The Pancit mampu bertahan sampai ke hari ini," ujarnya.

Beliau berharap agar Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa merahmati dan memberkati usaha mereka dan insyaaAllah dengan izin-Nya juga The Pancit ingin menjadi sebuah perusahaan yang dapat membantu ramai lagi pencari pekerjaan untuk mencari rezeki.

Selain itu, beliau turut menyarankan kepada sesiapa sahaja yang mempunyai niat untuk berniaga, teruskan, cuba, kuatkan semangat, berusaha, ikhtiar dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar perancangan dipermudahkan dan berjalan dengan lancar. Beliau percaya,



PERNIAGAAN kuih tradisional yang dikenali dengan The Pancit, menghasilkan beberapa *flavor* seperti Taro Pancit dan Caramel Pancit (atas dan bawah kiri).

usaha tidak akan mengkhianati lamanya. Bagi yang ingin membuat hasil dan gagal sekali bukan tempahan, boleh mengikuti *The Pancit* di Instagram.



دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقذ بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿٣ كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿٣ كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿٣ كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ

اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ

أَخْتَتَمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.

وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَائِكَةِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا

يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي

كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ

وَقِنَا شَرَّ الرَّذَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ

شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣ كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمْ،

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALAH DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمْ يَمَلِكْ فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. **وَلَا يَأْخُذُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ** Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضَّى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى اَلْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اُبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاُبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملش (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**Bilangan Tawaran :**

(9) JBS / ADM / QC / 2024

Keterangan :

Sebut Harga
Bagi Pengurusan /
Pelaksanaan Gerai Ramadhan
Belia Tahun 1445H / 2024M
Kawasan Letak Kereta,
Stadium Negara Hassanal Bolkiah,
Berakas

Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Khamis,
8 Februari 2024

**Bilangan Tawaran:**

JKP / SH / 2023 - 2024 / 47

Tajuk Tawaran:

To Provide
Familiarisation Trip Services
For United Kingdom Agents,
27 - 29 February 2024

Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
25 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang


**Di Dalam Mahkamah Tinggi
Di Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan**
Kebankrapan No.

BCY / CP / 213 / 2020

Perbadanan Tabung
Amanah Islam Brunei
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Norimy Bin Haji Ahad
BYIC No. 00-261669
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang
di buat terhadap Penghutang
berikut pada 5 Disember 2020
telah dibatalkan pada
9 Disember 2023 :

Nama Penghutang :
Norimy bin Haji Ahad

Alamat Penghutang :

No. 8, Spg 271,
Kampung Kupang, Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

**Tajuk Tawaran :**

The Supply, Installation,
Testing And Commissioning
Of A New TOA RM-200SA
Remote Microphones Designated
For Terminal Building
At Brunei International Airport
For Department Of Civil Aviation
TERMINAL / 2023-2024 / SH-10

Tarikh Iklan / Mengambil**Dokumen Sebut Harga :**

17 Januari 2024,
Sabtu

Tarikh Terakhir Mengambil**Dokumen Sebut Harga :**

30 Januari 2024,
Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga :

31 Januari 2024,
Rabu
(tidak lewat jam 2.00 Petang)



Bertarikh :
11 Disember 2023.

Kes No.
BCY / CP / 227 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Zuffre Bin Haji Zakaria
(BYIC No. 00-255696)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada 7 Disember 2023.

Nama Dan Alamat

Terakhir Diketahui :
Zuffre Bin Haji Zakaria
No. 8, Spg. 513,
Kampung Masin,
Jalan Bengkurong, BE1318,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
18 November 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang
kepada nama Penghutang yang
tersebut di atas hendaklah
menghadapkan borang-borang
bukti hutang yang boleh diperoleh
di Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar kepada
Penghutang tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
13 Disember 2023

Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh 7 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini
diberikan bahawa satu perjumpaan
pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat 1, Bilik (L1-13), Mahkamah
Besar pada 23 April 2024,
jam 9.00 Pagi.

Bagi membolehkan kamu
mengundi di sana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserahkan-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada 23 April 2024, jam 9.00 Pagi
di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemiutang yang
telah menyerahkan bukti, atau
wakil-wakilnya yang diberi kuasa
secara bertulis, bolehlah menyoal
penghutang semasa pemeriksaan
awam penghutang, mengenai
dengan hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh :
13 Disember 2023

**Dk Siti Nursu'aidah Binti Pg
Jufriزار @ Pg Tajuddin
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**

JPH / 1102-002 / TAW
/ 380 / 2023-2024
Projek Penghijauan Zon A,
Hutan Simpan Arboretum

Borang Pendaftaran Syarikat**(Jika Belum Berdaftar):**

BND10.00

Borang Tawaran:

BND15.00

Yuran Tawaran:

BND55.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
6 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang

**Tajuk Sebut Harga :**

RTB / K / 208 / 23 - 24 :

Provision Of
Security Guard Services
For Kuala Belait Studio &
Tutong Studio,
Radio Television Brunei
For Period Of Two (2) Years

Bayaran Yuran :

BND 5.00
(Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :

BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :

Rabu,
7 Februari 2024,
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 81 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Pesar Dato Jamil
2. Sekolah Rendah Kg Bendahara Lama
3. Sekolah Rendah Haji Tarif Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 03
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 82 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Saba Darat B Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 05
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 83 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Amar Pahlawan
2. Sekolah Rendah Pulaie, Jalan Pulaie, Berakas Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 06
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 84 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin, Sg Besar
2. Sekolah Rendah Batu Marang Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan,

Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 14
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 85 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Pesar Ulak
2. Sekolah Rendah Hj Mohd Jaafar Maun, Kiulap Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 17
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 86 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Bebuloh
2. Sekolah Rendah Kasat
3. Sekolah Rendah Putat
4. Sekolah Rendah Nakhoda Abd Rashid, Menunggol Tanjong Kindana Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 27
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 87 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Kapok Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 32
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 88 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
Sekolah Rendah Perpindahan Kg Lambak, Jalan 10 Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 39

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 89 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Pg. Kesuma Negara Kg. Bukit Beruang
2. Sekolah Rendah Perpindahan Bukit Beruang II Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 47
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND100.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 90 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Panaga
2. Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 49
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND50.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 91 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Labi, Kg. Gatas Labi
2. Sekolah Rendah Merangking Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 51
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 92 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :
1. Sekolah Rendah Sultan Hashim, Batu Apoi
2. Sekolah Rendah Rataie Daerah Temburong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : SM / 58
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00

[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 93 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Makan Bagi :
1. Sekolah Rendah Panchong
2. Sekolah Rendah Benutan Daerah Tutong, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : MKN / 03
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 94 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Basah Bagi :
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : AB / 01
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 95 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Basah Bagi :
Sekolah Menengah Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : AB / 10
Bagi Tempoh Enam (6) Bulan

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 96 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :
Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Gadong Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : AK / 01
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 97 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan Rancangan Pemakanan

Sekolah Bahagian Asrama Kering Bagi :
Sekolah Menengah Pg. Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar, Mumong, Kuala Belait, Daerah Belait, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : AK / 07
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 98 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Sarapan Pagi Secara Tapau Bagi Program Harapan :
Sekolah Menengah Pehin Dato Seri Maharaja Mentiri Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : PH / S4
Bagi Tempoh Lima (5) Bulan

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND30.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 99 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan :
Sekolah Menengah Awang Semaun Daerah Brunei Muara, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : PH / T1
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[tidak dikembalikan]

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 100 / 2023 / 2024
[DA(BPPA-JAN-2024)]

Keterangan :
Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Makan Tengah Hari Secara Tapau Bagi Program Harapan :
1. Sekolah Rendah Bebuloh
2. Sekolah Rendah Batang Mitus Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
Kod Blok : PH / T4
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Yuran / Dokumen Tawaran :
BND10.00
[tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa 6 Februari 2024



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



کمنتین کصیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



- 1** Pilih makanan segar dan tidak berproses
- 2** Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat

- 3** Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam
- 4** Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin
- 5** Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg




1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

سردار سري

بيجقسان دالم قغوروسن كواغن

جماعه يغ درجمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبحانه و تعالیٰ دغن منيغكنكن كيلمانن كقدن. سسغكوهن اورغ يغ قالیغ مليا دسيسى الله سُبحانه و تعالیٰ ايله اورغ يغ قالیغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغليغي الله سُبحانه و تعالیٰ، براوله كجيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درجمي الله،

هرتا مروفاكن امانه درفد الله سُبحانه و تعالیٰ اوننوق دمنفعتكن دغن سبايك-بايكن دان بوكله اوننوق دسيا-سباكن سهيغك تجادي فميديرن. اوليه سبب ايت فنتيغن قغوروسن كواغن دان هرتا دغن برهيمه دان بيجقسان سقرتي منابوغ، برزكاة، برصدقه دان سباكن. فرمان الله سُبحانه و تعالیٰ دالم سورة الفرقان آية ٦٧:

تفسيرن:

دان مريك يغ افيل مبلنجاكن هرتا، مريك تيدق برليه-لبيهن دان تيدق جوك بخيل دان (سبالقن) فربلنجان مريك ايت اداله سدرهان انتارا كلوان.

سباكي مانسي كيت تيدق اكن دافت لاري دري مغوروس دان مغهادفي مسئله كواغن. اوليه ايت، قغوروسن كواغن يغ تراور اكن مبننو منسجهراكن كهيدوقن كيت قد ماس هادقن. كيت فرلو ممبوات اينسياتيف بهارو باكي مغويه سيكف كيت دالم قغوروسن كواغن. سباكي فرمولان، لىكه-لىكه بر ايكوت بوليه كيت لاكوكن، انتاران:

قرتام: ميمق دان مپوسون سمولا كواغن فريادي. محاسبة دري دالم فربلنجان دان كاي هيدوقن كيت. جك اي ملبهي دري كممقوان كيت، مك كيت فرلو مغورغكن فربلنجان يغ تيدق فنتيغ دان سيمقن واغ اوننوق رانغن ماس دغن.

كلوا: عملكن بوديا منابوغ كران دغن منابوغ كيت دافت ممبوات فرسدیان جك برلاكو حال-حال كجمسن.

كليك: ابلقكن دري برهوتغ ليه-لبيه لاكي برهوتغ باكي فركارا-فركارا يغ تيدق برفالده دان تيدق فنتيغ.

دالم قغوروسن كواغن، كيت هندقله ممليقي براف كماهين اوننوق ممبوات كقوتوسن يغ بتول دالم كهيدوقن، سقرتي ممقويي كسدن ترهادف فنتيغن مغوروس كواغن، منيغكنكن علمو فغتهوان تننغ كواغن دان ريسيكون، ممقويي سيكف يغ بتول ترهادف كواغن، موتيواسيكن ديرى دان ممقويي كيقين اوننوق مغوروس كواغن يغ بايك.

جماعه يغ درجمي الله،

عمالن منابوغ اداله عمالن ترفوجي. بوديا منابوغ هندقله دترافكن دري فريغكت اول لاكي دالم كالغن جنراسي مودا. اوليه ايت، ايبوباف مامينن فرانن يغ فنتيغ اوننوق ممقوك سيكف سوکا منابوغ كقدن-انق-انق سحق دري كجيل لاكي، ايبو باف سهاروسن منجادي جونتوه يغ بايك دالم مغمالكن طيعة سوک منابوغ.

انق-انق هاروس ديديدق دغن منديسقلينكن ديرى مريك اكر ممقويي قتي تابوغ سنديري درومه اتو ممقويي اكاهون سيمقن ددالم بغك. كيت جوك فرلو منجلسكن كقدن-انق-انق اكن توجوان دان فنتيغن عمالن منابوغ اكر مريك برمينت اوننوق منابوغ، مناعكن صفة برحيمت جرمت، برلنجا دغن بيجق دان تيدق برسيكف بوروس. درفد كعب بن مالك رضى الله عنه، اكو بركات، "واهي رسول الله، سسغكوهن سباكي بنتوق توبتكو، اكو اكن مغلواركن سلوروه هرتاكو سباكي صدقه كقدن الله دان رسولن." رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسيدا: اَمْسِكْ عَلَيْكَ بَعْضَ مَالِكَ، فَهُوَ خَيْرٌ لَّكَ.

مقصودن:

"سيمقله سباكين هرتامو كران ايت لبيه بايك باكيمو." {حديث رواية امام بخاري}

سسغكوهن بايق كلبهن يغ بوليه كيت دافت دري عمالن منابوغ، انتاران ايكونومي سساورغ ايت اكن لبيه تراور دان ترانجع دان دافت مبننو كيت ممبوات فرسدیان باكي مغهادفي كادان-كادان يغ ترنتو دماس اكن داتغ سقرتي فرسدیان دالم اوروسن فرساران، قندييقن انق-انق، فمليكن كندرآن، كديامن دان ساومقمان.

دغن عمالن منابوغ والوقون دغن جومله يغ سديكيت تناقي برتروسن اداله لبيه بايك درفد تيدق منابوغ. دغن ادان واغ سيمقن جوك ممبوليهكن كيت منيغكنكن عبادة كقدن الله سُبحانه و تعالیٰ. دغن هرتا يغ كيت ميليكي، كيت بوليه ملاكوكن عمل جارية سقرتي ميري سوميغن وقف، صدقه دان سباكن.

جماعه يغ درجمي الله،

سباكي اومت اسلام كيت هندقله مبلنجاكن رزقي يغ كيت فلوليهي ايت دغن بيجق مغيكوت لونس-لونس اسلام. اوليه يغ دمكين، عملكنله سيكف بيجقسان دالم مغوروس كواغن، موده-مودهن دغن يغ دمكين كيت اكن دافت مغوكوهكن لاكي ايكونومي كلوارك، مشاركت دان نكارا دمي منجامين ماس هادقن يغ لبيه بايك.

اخيرن، سام-سامله كيت بردعاء سموك الله سُبحانه و تعالیٰ اكن ميري رزقي يغ بايق دان مليقه رواه سرت نعمت يغ بركلن اكر كيت دافت هيدوقن دغن بهكيا دان سلامت ددنيا دان داخيرة. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

ني عيسى ابن مريم بردعاء: "يا الله، توهن كامى! تورونكنله كقدن كامى سواتو هيدغن دري لاغيت (يغ قد هاري تورون) اكن منجادي هاري راي باكي كامى بايت باكي اورغ يغ اد برسام كامى دان يغ اكن داتغ كمودين دان منجادي تندا ككواسان مو. دان كورنياكنله رزقي كقدن كامى كران اغكوله سبايك-بايك قميري رزقي." {سورة المائدة آية: ١١٤}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قَوْمَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِالْجَنَّةِ النَّائِبِينَ.

SYARIKAT DIKENAKAN KOMPAUN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong

TUTONG, Sabtu, 20 Januari. - Hasil Ops Rodaan yang dijalankan baru-baru ini oleh Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong telah mengeluarkan kompaun terhadap dua buah syarikat kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 iaitu membuang sampah di merata tempat di kawasan tapak projek.

Syarikat-syarikat tersebut ialah Mutiara Hikmat Co. yang beralamat di Lot: 22604 Kampung Birau dikenakan denda Bab 12 (1)(d) Skala Kecil (Minima) BND1,000; dan Alek Jaya Sdn. Bhd. yang beralamat di Lot : 7286, Kampung Luagan Dudok yang dikenakan denda Bab 12 (1)(a) Skala Kecil (Minima) BND1,000.

Kedua-dua buah syarikat tersebut telah dikenakan denda

kompaun sebanyak BND1,000 di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, dan dikehendaki untuk menjelaskan kompaun dalam tempoh tujuh hari.

Jika gagal membayar denda tersebut dalam masa tujuh hari dari tarikh kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan

orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan, tapak projek dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.

DUA buah syarikat dikenakan denda kompaun kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021 iaitu membuang sampah di merata tempat di kawasan tapak projek (kanan dan bawah kiri).



Bantu kesan Marwoto

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



PEKERJA lelaki warganegara Indonesia iaitu Marwoto, 33 tahun, dengan nombor pasport, C8244977 dilaporkan lari daripada majikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang pekerja warganegara asing yang dilaporkan lari daripada majikan dan sehingga hari ini belum balik.

Menurut kenyataan dikeluarkan PPDB di sini, laporan telah dibuat di Balai Polis Sengkurong untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Indonesia iaitu Marwoto, 33, dengan nombor pasport, C8244977.

Sehubungan itu, orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat bolehlah menghubungi ke Balai Polis Sengkurong menerusi talian +673 2661334 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis yang berdekatan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



ANTARA barang bukti yang didapati di lokasi kejadian yang dipercayai untuk tujuan aktiviti tidak bermoral (atas dan bawah).

BRUNEI MUARA, Sabtu, 20 Januari. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan tiga serbuan di tiga lokasi yang dipercayai melibatkan kegiatan tidak bermoral pada 18 Januari 2024.

PPDB berjaya menahan seorang

lelaki warga tempatan dipercayai 'bapa ayam' dan isterinya warganegara asing bersama empat wanita warga asing semasa menjalankan serbuan ke atas salah sebuah bilik penginapan di kawasan Gadong, Daerah Brunei dan Muara, tempat lelaki warga tempatan berkenaan bekerja dan juga rumah lelaki berkenaan di kawasan perumahan Kampung

Rimba.

Suspek-suspek yang terlibat berumur lingkungan 22 tahun dan 27 tahun dipercayai terlibat dalam kegiatan yang tidak bermoral, iaitu menawarkan khidmat seks.


Manakala suspek lelaki berkenaan berumur 32 tahun.

Kesemua suspek bersama barang bukti dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah untuk siasatan lanjut.

Hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan mendapati beberapa barang bukti, seperti beberapa kepingan kondom, minyak pelincir dan wang tunai di lokasi kejadian yang dipercayai untuk tujuan aktiviti tidak bermoral berkenaan.

Kes disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 dan di bawah Akta Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak Penggal 120.

PPDB ingin menyarankan kepada orang ramai agar dapat bekerjasama dan memberikan apa juga jenis maklumat dengan mengongsikan ke Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan serta boleh disalurkan melalui e-mel laman sesawang PPDB www.polis.gov.bn ataupun Instagram @upa.ppdb.





Pesara aktif bertukang besi

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Awang Abdullah Asgar

PELBAGAI jenis perniagaan yang boleh dilaksanakan dari rumah asalkan ada kemahuan dan bekarlah mengerjakannya. Ruangan Industri Kotej kali ini mendekati seorang pesara Perkhidmatan Awam yang berdikari, Awang Abdullah Asgar, yang kini bergiat aktif dalam pertukangan besi.

Mula bertukang besi secara sambilan pada tahun 2012, kini Awang Abdullah sudah menumpukan sepenuh masa sejak penghujung tahun 2018 iaitu semenjak beliau bersara dari Perkhidmatan Awam.

"Perancangan untuk membuka perniagaan bertukang besi sudah difikirkan lima tahun sebelum saya bersara," ujarinya.

Menurutnya, beliau belum pernah mengikuti mana-mana Kursus Pertukangan Besi secara formal, cuma belajar daripada adik-beradik dan platform media sosial iaitu YouTube.

Antara produk yang sering mendapat

tempahan daripada pelanggan ialah penutup longkang besi, penutup pintu dan jendela pagar besi.

Selain itu beliau juga menerima tempahan secara *custom made* seperti yang dikehendaki pelanggan seperti penutup besi tong sampah, jemuran pakaian, troli, rak pasu bunga, penggantung pakaian dan sebagainya.

Harga produk pula adalah tertakluk sejauh mana mudah dan beratnya sesuatu kerja itu, tambahan lagi beliau hanya mengerjakannya secara solo tanpa bantuan sesiapa.

"Jika kerjanya mudah, harga produk juga murah tetapi jika berat dan sukar harganya juga mahal sedikit," jelasnya.

Kelamaan menyiapkan produk juga adalah tertakluk jenis kerja yang dilaksanakan, yang mana jika mudah boleh disiapkan selama tiga hari dan jika sukar boleh mencecah hingga dua minggu.

Menurut Awang Abdullah, sepanjang membuat perniagaan pertukangan besi, cabaran yang agak sukar adalah membuat

sebut harga mengikut kehendak pelanggan, memandangkan kerja yang akan dilaksanakan itu agak sukar dan banyak.

Kebanyakan tempahan adalah untuk kegunaan persendirian para pelanggan selain pernah juga menerima tempahan dari pihak masjid.

Bagi mendapatkan barang keperluan untuk perniagaan, beliau sering mendapatkannya di kedai-kedai *hardware* di Daerah Brunei dan Muara.

Walaupun sudah bersara dari Perkhidmatan Awam, Awang Abdullah masih dapat meraih rezeki melalui pertukangan besi yang mana pendapatan tersebut telah dapat menambah wang saku beliau, di samping pencen bulanan yang diterima. Bekerja secara solo juga membuatkan beliau mudah menguruskan masa dan bercuti mengikut keperluan.

Bagi mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan Awang Abdullah, beliau boleh dihubungi melalui talian WhatsApp +673 7268428.

Merancang awal aktiviti selepas bersara,

adalah cara terbaik kerana ia adalah satu tempoh yang boleh membuatkan awda bersedia dengan kepakaran atau kemahiran awda.

Misalnya Awang Abdullah, telah merancang aktiviti lima tahun sebelum bersara, dan dengan kemahiran yang ada beliau mampu bertahan dalam pertukangan besi lima tahun selepas bersara. Pengalaman lima tahun sepenuh masa bertukang besi itu mampu menajamkan lagi kemahiran agar perniagaan itu akan terus bertahan untuk masa akan datang. InsyaaAllah, selagi dikurniakan kesihatan yang baik, pesara mampu bergiat aktif dan berdikari menjalani kehidupan setelah bersara.

Sememangnya tugas bertukang besi memerlukan kesabaran, pendengaran dan penglihatan yang baik untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut. Tambahan lagi permintaan bagi pembuatan atau membaiki produk-produk besi juga sentiasa ada, membuatkan pekerjaan sebagai tukang besi tidak putus pendapatan.





Terokai khazanah warisan Islam negara

Oleh : Dk. Faten Khairiyah Pg. Haji Khairul Anuar, Penempatan Mahasiswi dari Universiti Brunei Darussalam
 Foto : Ihsan Bahagian Hal Ehwal Korporat, Unit Perhubungan Awam Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

LMU Islam merupakan warisan yang sangat berharga. Bagi memperluaskan ketamadunan Islam, pada 12 Oktober 2019 bersempena Majlis Ilmu Ke-14, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah merasmikan sebuah pusat warisan ilmu yang dikenali sebagai Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) yang terletak di Jalan Pengiran Babu Raja.

Secara umum, BKISHHB merupakan sebuah institusi yang berpotensi untuk menjadi 'One Stop Islamic Tourism Destination'. Setakat rencana ini ditulis, anggaran jumlah keramaian pengunjung adalah lebih kurang 23,000 orang. Jumlah keramaian pengunjung tersebut bukan sahaja terdiri daripada kalangan rakyat tempatan bahkan daripada pengunjung dari luar negara.

Pada dasarnya, terdapat sembilan jenis galeri yang mempamerkan pelbagai dan berlainan jenis bahan-bahan artifak warisan Islam di BKISHHB iaitu : (1) Kebestarian Raja; (2) Mushaf; (3) Rambut Mulia Rasulullah; (4) Athar Sahabat; (5) Warisan Ilmu I; (6) Warisan Ilmu II; (7) Tanda-tanda kebesaran Allah; (8) Astronomi dan (9) Kesenian Islam, Tongkat dan Tasbih.

Sejarah BKISHHB

Sebelum adanya bangunan kekal BKISHHB,

balai ini dikenali sebagai Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BPISHHB). BPISHHB dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 18 Ogos 2001 bersempena dengan Ekspo Islam Antarabangsa Pertama di Negara Brunei Darussalam. Pada ketika itu, segala pameran bahan-bahan koleksi ditempatkan di Bangunan Darul Ifta' Brunei Darussalam.

Peletakan Batu Asas Pembinaan Bangunan Kekal BKISHHB diletakkan pada 27 Mei 2015. Proses pembinaan bangunan kekal BKISHHB ini memakan masa selama empat tahun bermula dari tahun 2015 dan siap dibina pada tahun 2019. Keindahan reka bentuk dan seni bina bangunan kekal BKISHHB direka khas oleh pereka Islamic Art Museum Doha, Qatar iaitu I.M Pei Design Architecture.

Peranan BKISHHB

- Mengumpul dan menyimpan khazanah warisan Islam.
- Memelihara dan memulihara khazanah warisan Islam.
- Mempamerkan khazanah warisan Islam secara ilmiah.
- Melaksanakan aktiviti kajian dan penyelidikan.
- Menyebarkan ilmu melalui jalsah ilmiah, penyelidikan, penulisan, penterjemahan dan pembelajaran.

Tarikan di BKISHHB

Kesemua koleksi-koleksi pameran yang dipamerkan di kesembilan-sembilan galeri BKISHHB memang tidak dapat dinafikan ada tarikan tersendiri. Pameran Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang terletak di Galeri 3 merupakan salah satu tarikan utama di BKISHHB. Lazimnya, ruang pameran ini hanya akan dibuka pada hari-hari tertentu sahaja. Contohnya, Israk dan Mikraj.

Selain itu, ada juga beberapa bahan pameran lain yang menjadi tarikan antaranya koleksi pedang dan rambut sahabat-sahabat nabi seperti Sayidina Ali Ibn Abi Talib yang tersimpan di Galeri 4. Diikuti dengan pameran Kiswah Ka'abah (Galeri 6) dan replika sistem suria (Galeri 7) yang kerap menambat hati para pengunjung daripada pelbagai peringkat usia.

Untuk pengetahuan orang ramai, galeri BKISHHB dibuka untuk kunjungan orang ramai dari jam 9 pagi hingga 5 petang setiap hari kecuali hari Jumaat.

Peraturan, adab dan etika

Antara inisiatif yang dilakukan oleh BKISHHB bagi menjaga bahan-bahan koleksi adalah dengan mengimplementasi beberapa peraturan. Setiap pengunjung ke galeri Pameran BKISHHB perlulah sentiasa memberi penghormatan terhadap bahan-bahan pameran dan harta benda yang terdapat di galeri. Antara peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti tidak menyentuh bahan pameran, skrin, cermin dan pagar-pegar penghadang yang terdapat di galeri Pameran BKISHHB.

Pengunjung juga tidak dibenarkan

mengambil sebarang gambar dan rakaman video melalui telefon bimbit, kamera atau sebarang jenis alat rakaman sepanjang berada di dalam galeri. Pengunjung juga tidak dibenarkan membawa makanan dan minuman ke dalam galeri. Pengunjung boleh menyimpan barang peribadi mereka ke dalam lokar yang telah disediakan.

Tidak membuat bising, bersabar dan mematuhi setiap peraturan dan arahan yang diberikan merupakan antara adab-adab yang perlu dipraktikkan oleh setiap pengunjung. Selain itu, pengunjung juga dinasihatkan untuk mematuhi etika kod pakaian ketika melawat seperti yang tertera di dalam laman sesawang rasmi BKISHHB.

Perkhidmatan lain

BKISHHB juga ada menawarkan perkhidmatan penyewaan beberapa fasiliti dan kemudahan yang terdapat di BKISHHB antaranya Dewan Auditorium, Ruang Pameran Istimewa, Bilik Mesyuarat dan sebagainya. Penyewaan fasiliti ini boleh digunakan untuk mana-mana pihak yang ingin mengadakan acara atau aktiviti. Contohnya, taklimat, bengkel, mesyuarat dan ekspo. Selain itu, BKISHHB juga membuka peluang kepada orang awam untuk menjadi ahli penyelidik di BKISHHB.

Bagi sesiapa yang ingin mengetahui lebih lanjut mengenai BKISHHB, bolehlah melayari laman sesawang rasmi BKISHHB : www.bkishhb.gov.bn atau mengikuti platform media sosial di Instagram @bkishhb.bn dan di Facebook BKISHHB.



LESTARIKAN ALAM SEKITAR, KURANGKAN PENCEMARAN



didiklah diri dan anak-anak untuk tidak melakukan pembaziran dalam penggunaan kertas, contohnya kertas putih yang sudah dicoret masih boleh digunakan depan atau belakangnya untuk dijadikan *working sheets* bagi membuat kalkulasi atau belajar mengeja (bagi anak-anak) dan sebagainya.

Dan jika sudah tidak diperlukan lagi ibu bapa harus lebih kreatif dalam menjadikan lebih kertas-kertas itu untuk dijadikan *puppet* secara DIY daripada kertas atau surat khabar terpakai atau boleh digunakan untuk kertas *origami*, yang secara langsung dapat mengasah kreativiti diri dan keluarga.

Bagi kotak-kotak kosong pula, anak-anak boleh menggunakan kotak-kotak itu untuk dibina semula dan dijadikan sebagai *doll house*, *play house* atau *maze*, ini secara tidak langsung dapat membantu perkembangan minda anak-anak yang penuh dengan imaginasi untuk menjadi lebih kreatif dan berdikari.

Selain itu, ibu bapa juga boleh menggalakkan anak-anak mengitar semula kotak-kotak kosong itu bagi projek-projek pembelajaran di sekolah sebagai contoh *homemade aquarium* dengan memotong pelbagai jenis ikan yang diperbuat daripada kotak nipis dan menggantungkannya di dalam kotak jenis tebal yang lain dan menampilkan gambar atau mendekorasi suasana seperti di dalam akuarium pada dalam kotak tebal tersebut.

Melalui kitar semula atau amalan pakai balik ini akan dapat mengurangkan bahan buangan, mengurangkan penggunaan bahan mentah baharu, mengurangkan penggunaan tenaga, mengurangkan pencemaran udara (daripada pembakaran), pencemaran air (daripada tapak pelupusan) dan mengurangkan pengeluaran gas rumah hijau (*greenhouse gas emission*) berbanding penghasilan barangan baharu daripada bahan mentah.

Selain itu, antara kepentingan

bermula daripada didikan ibu bapa.

Walau bagaimanapun, usaha dan langkah ini juga perlu dititikberatkan di kesemua sekolah kerajaan mahupun swasta di negara ini agar langkah proaktif ini dapat dilakukan, diteruskan dan dikekalkan dengan sebaiknya bagi membentuk jati diri untuk lebih rasa bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan keadaan sekeliling mereka.

Kitar semula ialah proses mengolah semula bahan buangan untuk menghasilkan barangan baharu atau mengubah bahan-bahan yang sepatutnya menjadi sisa kepada sumber-sumber bernilai.

Banyak perkara atau idea yang boleh diguna pakai dan diterapkan dalam menitikberatkan kitar semula, antaranya mengitar semula botol-botol kosong untuk dijadikan tabung syiling, pasu bunga, bekas untuk peralatan menulis dan sebagainya.

Juga baju-baju, kain-kain atau seluar *jeans* lama boleh dikitar semula untuk dijadikan *sling bag* atau beg kitar semula jenama sendiri, selimut dan sebagainya.

Bagi penggunaan kertas pula,

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Isu alam sekitar sudah menjadi isu universal, dan semua pihak harus berperanan menanganinya tidak kiralah dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa.

Amalan kitar semula atau pakai balik barangan yang masih bagus untuk berjimat cermat tidak secara langsung dapat menerapkan nilai positif dalam diri agar dapat membentuk masyarakat yang lebih bermoral dan bertanggungjawab.

Justeru, konsep pembangunan lestari untuk kehidupan yang lebih sihat dan sejahtera menjurus nilai murni yang perlu disemai sejak kecil, meskipun pada awalnya mungkin agak sukar untuk dilakukan, seperti membuang sampah di tempat yang betul, berjimat cermat menggunakan air, menjimatkan penggunaan elektrik, menjaga kebersihan dan mengurangkan pembaziran, antara perkara lazim yang boleh dipupuk sejak kecil



AMALAN kitar semula atau pakai balik barangan yang masih bagus untuk berjimat cermat tidak secara langsung dapat menerapkan nilai positif dalam diri agar dapat membentuk masyarakat yang lebih bermoral dan bertanggungjawab (kiri, atas dan bawah kiri).

lain kitar semula juga ialah untuk mengurangkan pencemaran alam sekitar dengan dapat mengatasi masalah pencemaran dengan lebih efektif, serta memupuk sikap berjimat cermat dengan menggunakan bekas atau beg kitar semula (*shopping bag*) yang dapat digunakan berulang kali ketika membeli belah berbanding penggunaan beg plastik.

Di samping itu, bahan guna semula juga dapat menceriakan persekitaran alam, contohnya penggunaan botol-botol terpakai untuk dijadikan pagar kawasan pokok bunga atau dijadikan sebagai pasu-pasu bunga atau bekas untuk perkakas menulis dan sebagainya dengan diolah dengan lebih cantik dan kreatif.

Justeru, inisiatif 'Reuse, Reduce & Recycle' (3R) yang

tidak asing lagi di negara kita juga sering diketengahkan oleh pelbagai peringkat sektor kerajaan dan swasta mahupun di sektor pendidikan tinggi di negara ini bagi sama-sama memupuk kesedaran orang ramai untuk mengamalkan kaedah kitar semula secara bersih dan sihat, demi menjaga kebersihan, kesuburan juga keindahan alam sekitar di negara kita yang tercinta ini.

Dengan kaedah kitar semula ini juga, dapat mengurangkan penggunaan sumber, di mana dengan menggunakan sumber yang sedia ada, ia juga mampu menambah pendapatan bagi mereka yang berbakat dalam bidang artistik, seperti menggunakan bahan-bahan terbuang itu menjadi sesuatu barangan seni dan bernilai tinggi.

Pelajar JIS terima Anugerah Pelajar Pearson Cemerlang

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 20 Januari. - Anugerah Pelajar Pearson Cemerlang (OPLA) pada setiap tahun disampaikan kepada pelajar Pearson Edexcel, yang menduduki mana-mana kelayakan Pearson semasa peperiksaan, yang telah mencapai markah mata pelajaran tertinggi di negara mereka di rantau ini malah seluruh dunia.

Pelajar dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), Wesley Lim telah mencapai markah tertinggi di seluruh dunia bagi Pearson Edexcel International 'A' Level dalam Ekonomi. Selain itu, Wesley juga memperoleh markah tertinggi di Negara Brunei Darussalam untuk kelayakan Pearson Edexcel International 'A' Level Physics.

Dengan menerima salah satu daripada anugerah ini, Wesley telah menunjukkan prestasi yang cemerlang terhadap ribuan pelajar lain yang telah mengambil subjek yang sama di negara ini dan di seluruh dunia. Wesley juga merupakan salah seorang pelajar JIS yang berprestasi tinggi dalam 'A' Level, mencapai 4 Gred A* dalam keputusan peperiksaannya pada tahun



PELAJAR dari Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS), Wesley Lim mencapai markah tertinggi di seluruh dunia bagi Pearson Edexcel International 'A' Level dalam Ekonomi membentuk masyarakat yang lebih bermoral dan bertanggungjawab.

2023.

"Kami amat berbangga dengan Wesley dan saya tahu bahawa keputusannya akan membentuk asas yang kukuh untuk masa depannya. Tahniah saya ucapkan kepada Wesley dan keluarganya," ujar Pengetua JIS, Nicholas Sheehan mengenai pencapaian tersebut.





LETUSAN GUNUNG BERAPI ICELAND BERAKHIR DALAM TEMPOH BEBERAPA HARI LAGI

COPENHAGEN, 20 Jan. - Letusan gunung berapi di barat daya Iceland berkemungkinan akan berakhir beberapa hari lagi, menurut Pihak Berkuasa Meteorologi Iceland (Met) pada Jumaat.

Aktiviti seismik terus berkurangan dan pergerakan tanah kemungkinan semakin perlahan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kajian menunjukkan bahawa magma tidak lagi mengalir dan letusan sudah berhenti dan tahap bahaya bagi penilaian risiko di kawasan itu juga telah dikurangkan.

Bagaimanapun, pakar memberi amaran bahawa masih terdapat risiko tinggi kejadian tanah runtuh di bandar berhampiran Grindavík. Letusan gunung berapi di

semenanjung Reykjanes, barat daya Reykjavik bermula Ahad lalu.

Semasa letusan itu, tiga rumah di pinggir utara Grindavík musnah akibat lahar panas. - ©BERNAMA

Liga Arab adakan mesyuarat tergempar minggu depan bincang isu Gaza

ISTANBUL, 20 Jan. - Liga Arab akan mengadakan mesyuarat tergempar di peringkat perwakilan tetap minggu depan bagi membincangkan perkembangan perang yang sedang berlaku di Gaza, lapor Agensi Anadolu.

Dalam satu kenyataan yang dipetik oleh Agensi Berita Mesir, wakil tetap Palestin ke Liga Arab Mohannad Aklouk berkata satu sesi luar biasa akan diadakan pada Isnin di ibu pejabatnya di Kaherah.

Beliau juga berkata permintaan itu dibuat oleh Palestin dan disokong oleh kebanyakan negara Arab.

Selain membincangkan perang ke atas Gaza, sesi itu juga akan menyentuh mengenai jenayah Israel di seluruh Tebing Barat yang diduduki dan kemusnahan sistematik dilakukan rejim Israel terhadap infrastruktur di kem pelarian di Tebing Barat.

Diplomat Palestin itu menyuarakan harapan agar pertemuan itu akan membuahkan tindakan politik, undang-undang, diplomatik dan ekonomi dalam menghadapi jenayah Israel yang boleh dilaksanakan atau disokong Liga Arab dan negara anggotanya.

Sekurang-kurangnya 24,762 rakyat Palestin terbunuh dan 62,108 lagi cedera dalam serangan Israel ke atas Gaza sejak 7 Okt, menurut pihak berkuasa kesihatan Palestin.

Serangan Israel mengakibatkan 85 peratus penduduk Gaza hilang tempat tinggal di samping berdepan kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan, manakala 60 peratus infrastruktur di enklaf itu rosak atau musnah, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. - ©BERNAMA

KSrelief Arab Saudi laksana 2,670 projek kemanusiaan di 95 negara sejak 2015

KUALA LUMPUR, 20 Jan. - Pusat Bantuan dan Kemanusiaan Raja Salman (KSrelief) Arab Saudi melaksanakan sejumlah 2,670 projek kemanusiaan yang memberi manfaat kepada 95 negara setakat 31 Okt 2023.

Projek itu meliputi 13 sektor, termasuk keselamatan makanan, kesihatan, kemanusiaan dan penyelarasan bantuan kecemasan, pendidikan serta bantuan amal yang melibatkan kos US\$6.5 bilion.

Sejak 2015, projek-projek kemanusiaan ini dilaksanakan dengan kerjasama 175 rakan kongsi termasuk Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (ICRC).

Negara yang berdepan konflik, isu keselamatan dan krisis kemanusiaan merupakan penerima bantuan tertinggi, menurut laman sesawang KSrelief.

Yaman menduduki tempat pertama dengan sejumlah 862 projek dan 50 peratus daripadanya atau 442 projek adalah projek kesihatan diikuti keselamatan makanan (138 projek) dan 58 projek penyelarasan kem.

Negara kedua dengan projek tertinggi ialah Syria dengan 303 projek dengan kira-kira 30 peratus membabitkan keselamatan makanan diikuti Pakistan dengan 194 kebanyakan melibatkan bidang kesihatan.

Sudan adalah negara keempat dengan 123 projek direkodkan manakala lebih 50 peratus daripadanya mengenai kesihatan.

Negara kelima ialah Palestin dengan 112 projek dan 45 peratus daripadanya membabitkan isu keselamatan makanan diikuti Somalia dengan 106 projek. - ©BERNAMA

Presiden Indonesia nafi spekulasi peletakan jawatan beberapa menteri

JAKARTA, 20 Jan. - Presiden Joko Widodo menafikan spekulasi beberapa menteri Kabinet meletak jawatan termasuk Menteri Kewangan Sri Mulyani Indrawati.

Beliau berkata Kabinet Maju Indonesia masih meneruskan kerja seperti biasa.

"Setiap hari kita ada mesyuarat terhad dan dalaman dengan semua menteri atau sebahagian menteri," katanya dipetik agensi berita Antara selepas sambutan ulang tahun ke-78 Muslimat Nahdlatul Ulama di sini.

Beliau yang lebih dikenali sebagai Jokowi menjelaskan bahawa perkara seperti itu sengaja ditimbulkan di tengah musim kempen politik menjelang Pilihan

Raya Umum (PEMILU) 2024 pada 14 Feb.

Pakar ekonomi kanan INDEF Faisal Basri di forum politik dan ekonomi Sabtu lalu menyatakan seramai 15 menteri dari dalam kalangan teknokrat dan di luar parti politik berpotensi mengundurkan diri.

Beliau menganggap presiden terlalu memihak kepada pasangan calon presiden dan naib presiden Prabowo Subianto-Gibran Rakabuming Raka. Gibran merupakan anak sulung Jokowi.

Mengulas ringkas perkara itu kepada media, Sri Mulyani yang ditemui selepas menghadiri mesyuarat dipengerusikan Jokowi pada Jumaat, berkata: "Ini saya

kerja. Saya kerja."

Sementara itu, isu "pemecatan" atau 'impeachment' terhadap Jokowi menjadi antara topik yang hangat diperdebatkan di forum politik dan media ketika ini.

Sejumlah tokoh masyarakat bergabung dalam sebuah gerakan, Petisi 100 bertemu dengan Menteri Politik, Hukum dan Keamanan Mahfud MD pada 9 Januari meminta agar Mahfud memecat Jokowi.

Di PEMILU 2024, rakyat Indonesia meraikan pesta demokrasi dengan memilih pemimpin seterusnya menggantikan Jokowi yang menamatkan penggal kedua dan terakhirnya pada Oktober. - ©BERNAMA

Lima maut dalam serangan udara di Damsyik

KAHERAH, 20 Jan. - Lima orang terbunuh selepas sebuah bandar di Damsyik, Syria dilaporkan menjadi sasaran serangan roket yang disyaki milik Israel pada Sabtu, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Sebuah bangunan empat tingkat di pinggir bandar al-Mazaeh ranap sama sekali akibat serangan itu, kata Pemerhati Hak Asasi Manusia Syria.

Setakat ini, identiti mangsa yang maut belum dikenal pasti dan

ketika serangan satu mesyuarat komander antara pengawal revolusi Iran dan pegawai Palestin dikatakan sedang diadakan di bangunan berkenaan.

Israel sering melancarkan serangan yang menasarkkan beberapa lokasi di Syria untuk menghalang musuh ketatnya Iran daripada meluaskan pengaruh ketenteraannya di rantau itu.

Selain itu, kumpulan yang

menyokong Iran juga telah meningkatkan serangan ke atas pangkalan tentera Amerika di Syria dan Iraq sejak beberapa minggu kebelakangan ini sebagai tindak balas terhadap kempen tentera Israel di Semenanjung Gaza.

Sementara itu, Agensi Berita SANA melaporkan Israel telah menasarkkan sebuah bangunan kediaman di al-Mazeh.

Radio negara Iran pula melaporkan dua penasihat berpangkat tinggi adalah antara yang maut dalam serangan berkenaan. - ©BERNAMA

8 maut akibat letupan di kilang di China

BEIJING, 20 Jan. - Seramai 13 orang terbunuh selepas sebuah kilang di wilayah Jiangsu di timur China meletup pada Sabtu, lapor Sputnik memetik China Central Television

(CCTV).

Sementara itu, lapan lagi individu dilaporkan mengalami cedera ringan.

Insiden berlaku awal pagi Sabtu di sebuah bengkel pengeluaran

milik syarikat Shenrong Metal Technology Limited, menurut laporan itu.

Siasatan berhubung punca kejadian sedang dijalankan. - ©BERNAMA

China : Asrama lelaki terbakar ragut nyawa 13 pelajar

ZHENGZHOU, 20 Jan. - Seramai 13 pelajar terkorban manakala seorang lagi cedera selepas sebuah asrama di daerah Fangcheng, Bandar Nanyang, wilayah Henan, China terbakar pada Jumaat, menurut pihak berkuasa tempatan Sabtu.

Jabatan Bomba menerima

panggilan kecemasan pada 11.00 malam waktu tempatan berhubung kebakaran di asrama lelaki Sekolah Yingcai di Kampung Yanshanpu, Bandar Dushu.

Pasukan penyelamat dikerah ke tempat kejadian dan api berjaya dipadamkan pada 11.38 malam.

Asrama itu menempatkan 30

pelajar ketika kejadian berlaku. Seramai 16 lagi pelajar berjaya dipindahkan.

Pelajar yang cedera kini menerima rawatan di hospital dan dilaporkan dalam keadaan stabil.

Siasatan mengenai kejadian telah dimulakan oleh pihak berkuasa tempatan. - ©BERNAMA

KAMI SUDAH BERI SEGALANYA, GOL SAAT AKHIR 'BUNUH' KAMI



AL RAYYAN (QATAR), 21 Jan. - Pemain tengah Mohamed Syamer Kutty Abba menyifatkan Malaysia tidak bernasib baik untuk mengutip sekurang-kurangnya satu mata selepas tewas 0-1 kepada Bahrain pada perlawanan kedua Kumpulan E saingan Piala Asia 2023 di sini, malam tadi.

Mohamed Syamer yang diturunkan dalam kesebelasan utama sebelum digantikan dengan Natxo Insa pada babak kedua perlawanan berkata pasukan telah memberikan segalanya ketika bertahan mahupun menyerang sepanjang 90 minit permainan di Stadium Jassim Bin Hamad itu.

Namun, pemain Johor Darul Ta'zim (JDT) itu berkata nasib lebih memihak Bahrain yang berjaya menemukan jaringan pada minit-minit akhir masa kecederaan babak kedua untuk mengesahkan

kemenangan dalam pertemuan sulung kedua-dua pasukan itu di pentas Piala Asia.

"Memang nasib tak baik, kita bolos pada minit akhir tetapi ini lah bola sepak. Kami sudah bagi sehabis baik untuk 90 minit. Walaupun dalam perlawanan ini kami banyak bertahan, kami tetap ada buat serangan balas.

"Mereka (Bahrain) pasukan yang lagi baik tetapi kita bermain sebagai satu pasukan dan gol lewat itu 'membunuh' kami," kata pemain berusia 27 tahun berkenaan ketika ditemui selepas perlawanan di sini.

Kekalahan itu yang merupakan kekalahan kedua skuad bimbingan Kim Pan Gon pada kempen kali ini menyaksikan Malaysia tersingkir daripada saingan sekali gus gagal mencapai sasaran untuk mencipta sejarah melangkah ke pusingan 16 terbaik, namun Mohamed Syamer

mahu melihat ia dari sudut positif.

"Apabila kita tak capai sasaran, akan sentiasa ada sesuatu untuk kita belajar dan perbaiki bagi masa akan datang," katanya sambil mengakui aksi menentang Bahrain merupakan perlawanan yang sukar dan pasukan tampil dengan pendekatan taktikal berbeza berbanding ketika bertemu Jordan, Isnin lepas.

Mohamed Syamer antara empat pemain yang berhenti untuk bercakap dengan media Malaysia selepas perlawanan itu selain penyerang naturalisasi Paulo Josue dan dua pemain warisan iaitu Natxo Insa dan Stuart Wilkin.

Baki pemain skuad Harimau Malaya terutama yang diturunkan malam tadi menolak untuk ditemu ramah antaranya penjaga gol Ahmad Syihan Hazmi Mohamed, pemain sayap Arif Aiman Mohd Hanapi dan pemain pertahanan tengah Dion

Cools. Sementara itu, Josue berkata pasukan perlu mengambil iktibar dan belajar sebanyak mungkin daripada kejohanan ini untuk lebih bersedia bersaing pada edisi seterusnya.

"Saya rasa penting bagi Malaysia untuk berada di sini dan memahami tentang kejohanan ini, betapa sukarnya kejohanan, fahami padang (kondisi), pihak lawan. Untuk pemain yang akan beraksi lagi (edisi seterusnya), sudah tiba masanya belajar dan berjuang bagi kejohanan seterusnya.

"Melalui lebih banyak pengalaman dan pemahaman lanjut tentang kejohanan, mereka mampu meningkat lebih baik," kata pemain Kuala Lumpur (KL) City FC yang berusia 35 tahun itu.

Josue turut tidak merasakan Pan Gon bertanggungjawab sepenuhnya selepas pengendali Korea Selatan itu menyalahkan dirinya susulan

kegagalan membawa pasukan ke peringkat kalah mati.

"Kita perlu harungi bersama-sama... kita kalah dan menang bersama-sama. Kita mempunyai barisan kejurulatihan yang hebat yang menganalisis segala-galanya, beri kita maklumat terkini dan setiap orang perlu memikul tanggungjawab. Kita perlu teruskan usaha kerana kita mempunyai peluang untuk layak ke Piala Asia seterusnya," katanya.

Malaysia akan melengkapkan baki saingan Kumpulan E menentang juara dua kali Korea Selatan di Stadium Al Janoub, Khamis ini. Dalam pada itu, kekalahan malam tadi menyaksikan Malaysia masih gagal melepasi peringkat kumpulan dalam empat penampilan di Piala Asia selepas edisi 1976 di Iran, 1980 di Kuwait dan ketika menjadi tuan rumah bersama pada 2007. - ©BERNAMA

Belgium ikrar sokong kes genosid difailkan Afrika Selatan terhadap Israel

BRUSSELS, 21 Jan. - Belgium berikrar menyokong sepenuhnya kes yang difailkan oleh Afrika Selatan yang menuduh Israel melakukan genosid terhadap rakyat Palestin di Gaza. Pengumuman itu dibuat oleh Menteri Kerjasama Pembangunan Belgium Caroline Gennez menerusi hantaran di akaun X beliau, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Gennez mengulangi sokongan tidak berbelah bagi Belgium terhadap kes itu di ICJ, menekankan bahawa jika mahkamah memanggil Israel untuk menghentikan operasi ketenteraannya terhadap Gaza,

Belgium akan memberikan sokongan penuh.

Menteri itu berjanji akan meneruskan komitmen untuk memastikan penghantaran bantuan kemanusiaan ke Gaza dengan segera di semua peringkat.

Selain itu, Belgium mengesahkan usaha berterusan di dalam Kesatuan Eropah dan di peringkat antarabangsa untuk mendesak gencatan senjata secara kekal, akses penuh kepada bantuan kemanusiaan dan menyeru pematuhan terhadap undang-undang antarabangsa.

Afrika Selatan memulakan

tindakan undang-undang terhadap Israel awal bulan ini, menuduh rejim Zionis melakukan jenayah genosid terhadap penduduk Gaza dalam konflik selama lebih tiga bulan, mengakibatkan puluhan ribu penduduk terbunuh dan bencana kemanusiaan yang belum pernah terjadi sebelum ini.

Pada November tahun sebelumnya, Pendakwa Raya Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), mengumumkan bahawa mahkamah itu masih menjalankan siasatan terhadap jenayah perang yang dilakukan oleh Israel sejak 13 Jun 2014. - ©BERNAMA

Iran kritik mekanisme veto 'tidak adil' di UNSC

TEHRAN, 21 Jan. - Naib presiden pertama Iran Mohammad Mokhber mengkritik kuasa veto Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) dan menyifatkannya sebagai mekanisme tidak adil yang melemahkan kedudukan PBB.

Naib Presiden membuat kenyataan itu semasa pertemuan dengan Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres di Kampala, ibu negara Uganda, di luar Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-19 pada Sabtu, lapor Agensi Berita Iran (IRNA).

Mokhber dan Guterres

membincangkan isu-isu serantau utama termasuk konflik Gaza dengan kedua-duanya menyatakan kesedihan terhadap jenayah yang dilakukan terhadap rakyat Palestin di wilayah yang terkepung itu.

Guterres berkata Iran harus bertindak sebagai satu daripada tonggak utama dalam apa yang disebutkan sebagai Asia Barat baharu dengan Tehran harus memainkan peranan aktif dalam mempromosikan keamanan.

Menurut IRNA Mokhber juga bertemu dengan Menteri Luar Afrika Selatan Naledi Pandor di luar Sidang Kemuncak NAM. Beliau memuji Afrika Selatan

kerana menyokong rakyat Gaza serta langkahnya untuk merujuk kes genosid Israel ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Naib Presiden Iran juga mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar India Subrahmanyam Jaishankar di Kampala dengan Chabahar, pelabuhan penting di tenggara Iran menjadi antara topik yang dibincangkan.

Kedua-dua pegawai turut berbincang menggunakan mata wang tempatan dalam perdagangan dua hala dan menekankan kepentingan mengadakan pelan strategik jangka panjang untuk kerjasama bersama. - ©BERNAMA

Damsyik gesa masyarakat global ambil langkah hentikan serangan Israel terhadap sasaran awam

KAHERAH, 21 Jan. - Syria menggesa masyarakat antarabangsa untuk menekan Israel supaya berhenti menyerang orang awam susulan serangan udara rejim itu ke atas Damsyik yang membunuh sekurang-kurangnya lima orang, lapor Sputnik.

"Syria menyeru masyarakat

antarabangsa untuk mengambil langkah segera untuk menghentikan jenayah dan pembunuhan beramai-ramai yang dilakukan oleh entiti Zionis terhadap orang awam yang tidak bersalah," menurut Kementerian Luar Syria dalam satu kenyataan.

Kementerian itu berkata beberapa

orang awam turut terbunuh dan cedera dalam serangan itu.

Media Iran pada Sabtu melaporkan serangan udara Israel ke atas Damsyik membunuh lima penasihat tentera Kor Pengawal Revolusi Islam Iran, termasuk seorang komander perkhidmatan perisikan Pasukan Quds. - ©BERNAMA

Eksport kimchi catat rekod tertinggi pada 2023 berikutan populariti k-kandungan global

SEOUL, 21 Jan. - Eksport kimchi Korea Selatan mencatat rekod baharu pada 2023 seiring dengan peningkatan populariti kandungan hiburan Korea di seluruh dunia, menurut data yang diperoleh pada Ahad.

Penghantaran kimchi ke luar negara, hidangan sampingan tradisional Korea yang lazimnya dibuat daripada jeruk kubis, meningkat 7.1 peratus kepada 44,041 tan, menurut data Perkhidmatan Kastam Korea.

Angka terbaharu itu mengatasi rekod sebelum ini yang dicatatkan pada 2021, apabila jumlah eksport mencecah 42,544 tan.

Dari segi nilai, eksport kimchi mencecah US\$155.6 juta pada 2023, meningkat 10.5 peratus tahun ke tahun.

"Eksport Kimchi mengalami lonjakan ketara tahun lepas, terutamanya disebabkan oleh peningkatan populariti K-kandungan," kata seorang pegawai Kementerian pertanian Korea selatan, lapor Agensi Berita Yonhap.

Jepun merupakan destinasi utama untuk eksport kimchi tahun lepas, menyumbang 20,173 tan, diikuti oleh Amerika Syarikat dengan 10,660 tan dan Belanda dengan 1,756 tan.

Import kimchi Korea Selatan, sementara itu mencecah US\$163.5 juta pada 2023, turun 3.4 peratus tahun ke tahun untuk melaporkan defisit perdagangan sebanyak \$7.95 juta.

Negara itu mengimport kimchi, kebanyakannya dari China, disebabkan kos pengeluaran yang tinggi di pasaran domestik. - ©BERNAMA

Aaron-Wooi Yik terkandas di separuh akhir Terbuka India

NEW DELHI, 21 Jan. - Kemaraan beregu lelaki utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik di Kejohanan Badminton Super 750 Terbuka India terhenti setakat aksi separuh akhir yang berlangsung di sini malam ini.

Beregu nombor empat dunia itu tewas kepada wakil tuan rumah, Satwiksairaj Rankireddy-Chirag Shetty 18-21, 14-21 dalam perlawanan separuh akhir itu.

Pasangan India itu akan bertemu dengan juara beregu lelaki dan Juara Dunia tahun lepas Kang Min Hyuk-Seo Seung Jae dari Korea Selatan yang mengalahkan Takuro Hoki-Yugo Kobayashi dari Jepun 21-19, 21-14.

Aaron-Wooi Yik berjaya melangkah ke final kejohanan sama tahun lepas.

Dalam separuh akhir perseorangan lelaki, pemain nombor 18 dunia, Lee Cheuk Yiu dari Hong Kong mengejutkan pemenang pingat perak Kejohanan Dunia 2023 Kodai Naraoka dari Jepun 21-13, 15-21, 21-19. Lee akan berhadapan dengan pemain nombor dua dunia Shi Yu Qi dari China yang menundukkan wakil India H.S. Prannoy 21-15, 21-5.

Sementara itu, pemain perseorangan wanita Tai Tzu Ying mara ke final Jelajah Dunia dua kali berturut-turut selepas menewaskan wakil Singapura Yeo Jia Min 21-13, 21-18.

Wakil Taiwan itu yang terlepas gelaran juara pada Terbuka Malaysia di tangan An Se Young dari Korea Selatan, akan menentang pemenang pingat emas Sukan Olimpik Tokyo, Chen Yu Fei dari China yang menumpaskan rakan senegara Wang Zhi Yi 21-13, 21-18.

Final beregu wanita pula akan menyaksikan perlawanan antara Mayu Matsumoto-Wakana Nagahara dari Jepun yang mengejutkan beregu nombor dua dunia dari Korea Selatan Baek Ha Na-Lee So Hee 21-13, 21-16, dengan wakil China Zhang Shu Xian-Zheng Yu yang mengalahkan rakan senegara Li Wen Mei-Liu Xuan Xuan 21-17, 21-18.

Dalam beregu campuran, pasangan nombor lima dunia Jiang Zhen Bang-Wei Ya Xin dari China menundukkan Kim Won Ho-Jeong Na Eun dari Korea Selatan 21-19, 21-18.

Pada perlawanan akhir mereka nanti akan menentang Dechapol Puavaranukroh-Sapsiree Taerattanachai dari Thailand yang menewaskan Ye Hong Wei-Lee Chia Hsin dari Taiwan 18-21, 21-15, 21-19 dalam satu lagi perlawanan separuh akhir. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



WALKATON BERTAJA ERATKAN SILATURAHIM PAKATAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi
Azraie Pg. Haji Nikman



TUTONG, Ahad, 21 Januari. - Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN) pagi tadi mengadakan acara Walkaton Bertaja anjuran PAKATAN 2024 bertempat di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Seramai 120 ahli dan keluarga PAKATAN menyertai Walkaton yang dikendalikan oleh Biro Penerangan, Sosial dan Sukan PAKATAN.

Walkaton sejauh 2.3 kilometer berkenaan bermula dan berakhir di depan Pentas Diraja di Padang Kompleks berkenaan.

Tujuan utama Walkaton berkenaan diadakan adalah untuk menjana Tabung Badan PAKATAN, di samping untuk mengeratkan lagi silaturahmi antara ahli-ahli dan keluarga PAKATAN.

Pada acara berkenaan, sebanyak 30 peratus daripada jumlah kutipan akan didermakan ke Tabung Kebajikan Anak-anak Yatim Daerah Tutong.

PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat pada acara Walkaton Bertaja anjuran PAKATAN 2024 di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan (atas dan kanan).



Sepak Takraw Terbuka sempena Jubli Emas PERKASA

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Persatuan Kampung Saba

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 21 Januari. - Sebanyak 36 pasukan mula berentap untuk membuktikan kejaguan dalam gelanggang Kejohanan Sepak Takraw Terbuka anjuran Persatuan Kampung Saba (PERKASA) di Kompleks Sukan Sungai Asam, di sini.

Kejohanan yang telah bermula sejak Jumaat lalu itu telah sempurna dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly.

Perlawanan diadakan bermula dari

pusungan saringan yang hanya diadakan pada Jumaat dan Ahad sahaja sehingga peringkat akhir sebagai penentuan bagi pemenang juara pada 28 Januari ini nanti. Para penyertaan adalah begitu menggalakkan termasuk daripada pemain-pemain muda dari keempat-empat daerah.

Adapun kejohanan tersebut diadakan memeriahkan lagi Sambutan Jubli Emas PERKASA yang sememangnya sudah melahirkan pemain yang jaguh dalam sukan tersebut di samping mengetengahkan bakat-bakat sebagai pelapis muda untuk memperkembangkan Sepak Takraw pada peringkat yang lebih tinggi.

Pihak penganjur berharap dengan adanya pertandingan seumpama ini dapat menjalinkan ukhuwah erat sesama pemain dan juga beroleh ilmu dan pengalaman dalam mempertingkatkan mutu kemahiran masing-masing.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk sama-sama datang menyaksikan kejohanan tersebut dan memberikan semangat kepada para pasukan yang bertanding.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TINGKATKAN TAHAP KEGIATAN FIZIKAL DALAM KALANGAN MASYARAKAT